



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
RUMINAH BTE SIDEK  
PELAKON WANITA VETERAN**

**OLEH:**

NOR EZZATY HATIAH BINTI MOHAMMAD      2012703813  
NURUL NADIA BINTI ABDUL SHUKOR      2012517361

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
RUMINAH BTE SIDEK  
PELAKON WANITA VETERAN**

**OLEH:**

**NOR EZZATY HATIAH BINTI MOHAMMAD    2012703813  
NURUL NADIA BINTI ABDUL SHUKOR    2012517361**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirahmanirahim..

Alhamdullilah, bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada kami dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertamanya, kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah tercinta kami, Puan Nor Kamariah bte Chik kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk kamimenyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Ruminah bte Sidek yang memberi kami pemudahcara dan meluangkan masa beliau untuk di temuramah bagi menyiapkan tugas ini.

Ucapan penghargaan ini juga kami tujukan kepada ibubapa dan rakan-rakan yang banyak memberi sokongan terhadap setiap apa yang kami telah lakukan.

Akhir madah, kami mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam pembikinan tugas.

Terima kasih.

# ABSTRAK

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** Objektif pendokumentasian sejarah lisan ini dilakukan adalah untuk menghasilkan suatu dokumen lisan dari keterangan perseorangan, gambar atau dari keterangan saksi dalam bentuk rakaman atau transkrip. Bagi tugasan ini, Puan Ruminah bte Sidek seorang pelakon melayu veteran di tanah air kita telah di temu duga bagi mengetahui kisah latar belakang beliau, kerjaya beliau sebagai seorang pelakon dan pengalaman beliau di dalam kerjaya lakonan. Di awal pembabitan beliau di bidang lakonan, beliau berpeluang bekerja bersama dengan seniman negara iaitu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan juga beliau juga merupakan isteri kepada Allahyarham A.R Tompel.

**Kata kunci:** Pelakon Melayu, Veteran, Filem Melayu

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN .....	i
ABSTRAK .....	iii
ISI KANDUNGAN .....	v
BIODATA TOKOH .....	vii
PENGENALAN .....	ix
TRANSKRIP .....	1
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH .....	2
BAHAGIAN 2: KERJAYA .....	20
BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA .....	35
LAMPIRAN .....	1
LOG WAWANCARA .....	2
SENARAI SOALAN .....	6
SURAT PERJANJIAN .....	10
GAMBAR .....	11
INDEKS .....	12
RUJUKAN .....	13

# BIODATA TOKOH

## **BIODATA TOKOH**



### **RUMINAH SIDEK (MAK MAH)**

**NAMA** : RUMINAH BTE SIDEK

**TARIKH LAHIR** :

**TEMPAT LAHIR** : KLANG, SELANGOR

**BANGSA** : MELAYU

**AGAMA** : ISLAM

**KERJAYA** : PELAKON

**BAKAT** : BERLAKON

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Sejarah perkembangan filem Melayu pertama yang dihasilkan di Tanah Melayu ialah Laila Majnun (1933) yang dihasilkan oleh B.S.Rajhan, pengarah yang berasal dari India. Filem Laila Majnun ini telah dijadikan rujukan oleh pengarah-pengarah filem Melayu selepasnya kerana kejayaan filem tersebut meraih kutipan tiket “pecah panggung”. Namun begitu, filem Laila Majnun ini lebih mengikut cita rasa masyarakat India pada masa itu yang merupakan filem adaptasi daripada filem Bollywood yang mempunyai tajuk yang sama dengan filem tersebut. Penghasilan filem ini juga adalah berdasarkan kehendak masyarakat setempat iaitu untuk orang Melayu kerana budaya Melayu ketika itu mempunyai ciri-ciri budaya India. Filem ini juga dikatakan mempunyai nilai jiwa yang cukup tinggi dan mempunyai pengajaran cukup mendalam kepada masyarakat Melayu pada zaman itu.

Selepas itu muncul filem Melayu iaitu filem Penarek Becha yang dihasilkan oleh anak seni Melayu yang kreatif iaitu P. Ramlee, berlakulah pembaharuan dalam pengisian acuan filem Melayu Negara. Oleh itu, filem melayu mengalami revolusi ke arah filem yang mempunyai jiwa Melayu yang membawa pengertian subjektif kepada masyarakat Melayu. Filem Melayu ini pada era studio memperlihatkan keperluan pengisian jiwa Melayu yang disebabkan oleh dua faktor utama iaitu filem Melayu merupakan alat hiburan yang mutlak dan filem melayu merujuk kepada orang melayu setempat iaitu masyarakat singapura.

Pada era 2000 hingga 2007 hasil pengarah generasi baru yang digarap dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, berlaku perkembangan kreativiti yang mengangkat kelainan tema filem Melayu. Filem Melayu sekarang sudah berubah wajah selari dengan evolusi masyarakat setempat. Tambahan pula filem Melayu turut diresapi oleh pengaruh budaya masyarakat majmuk, globalisasi dan gaya hidup masyarakat moden. Penghasilan filem Melayu lebih cenderung kearah kapitalisme. Jiwa Melayu sebegini mengangkat semangat Melayu yang lebih terbuka dan liberal contohnya filem Gubra (2006), Gol dan gincu (2005) dan Salon (2005) mengalami perubahan jiwa Melayu mengikut konteks semasa.

Namun karya filem masa kini masih tidak mampu mengatasi kehebatan filem-filem arahan Allahyarham Tan Sri P.Ramlee. Disinilah dapat dilihat bakat yang hebat mengatasi segala-galanya. Walaupun kecanggihan peralatan profileman yang ada di masa kini tidak menjamin akan

lahirnya filem yang berkualiti. Namun ia masih membelengu pengkarya-pengkarya filem Negara masa kini yang masih berkarya ditakuk lama malah masih rendah mutu karya perfileman mereka. Jika dibandingkan dengan filem-filem karya Allahyarham Tan Sri P. Ramlee di zamannya. Hasil dari karya Allahyarham Tan Sri Pramlee, ramai artis yang lahir dari filem beliau contohnya Allahyarham S. Shamsudin, Allahyarham Aziz Satar, Allahyarhamah Saloma dan ramai lagi termasuklah artis veteran yang masih lagi aktif berlakon sehingga sekarang iaitu Ruminah Sidek.

Berbekalkan rasa ingin tahu tentang tentang industri perfileman, kami telah berjumpa dengan pelakon veteran iaitu Ruminah Sidek atau lebih dikenali dengan panggilan Mak Mah. Beliau berkongsi serta menceritakan sedikit sebanyak tentang hal dan isu dalam bidang ini. Temubual yang dilakukan sedikit sebanyak dapat memberikan kami perspektif baru dalam bidang seni dan juga industri perfileman.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang pelakon veteran melayu iaitu Puan Ruminah Sidek. Transkrip ini berkisar kepada latar belakang beliau, kerjaya beliau sebagai seorang pelakon dari era 60-an lagi dan pengalaman beliau sepanjang menjadi anak seni. Beliau juga berkesempatan berlakon bersama dengan Allahyarham Tan Sri P.Ramlee. Sesi temuramah ini dijalankan di rumah kakak beliau di Meru, Klang pada 25 April 2014.

Berikut adalah hasil rakaman.

**RS: RUMINAH SIDEK**

**NN: NURUL NADIA**

**NEH: NOR EZZATY HATIAH**

**SA: SAE'DA ALI**

Sae'da Ali merupakan ibu kepada rakan Nor Ezzaty Hatiah yang turut menemani ketika sesi temubual bersama dengan Puan Ruminah Sidek.

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

NN : Assalamualaikum. Kami pelajar UiTM [Universiti Teknologi MARA] Machang ingin menjalankan tugas diberi untuk subjek IMR [Pengurusan Maklumat Rekod] Enam Kosong Empat [604] iaitu Oral Documentation [Pendokumentasian Lisan]. Sebelum kita pergi dengan lebih lanjut, kami ingin mengetahui tentang latar belakang peribadi puan. Baiklah. Yang pertama, apakah nama penuh puan dan apakah nama gelaran puan?

RS : Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh. Kalau saya yang dicari maka nama saya adalah Ruminah binti Sidek. Itu nama dan kemudian biasalah nama gelaran dalam kerjaya barangkali orang panggil saya Mak Mah hinggalah

setakat ini, dari muda anak dara hingga sekarang.

NN : **Baiklah. Boleh tak [tidak] kalau kami panggil puan dengan gelaran Mak Mah?**

RS : (ketawa)

NN : **Okay [Baik]. Boleh tak [tidak] Mak Mah ceritakan bila Mak Mah dilahirkan? Mak Mah menetap kat [dekat] mana sekarang?**

RS : Dilahirkan memang di Klang, Meru lah pada tujuh [7] Disember sembilan belas empat puluh enam [1946]. Sekarang, waktu itu memang menetap di Meru lah. Dua puluh tahun [20] di Meru. *Lepas tu* [Selepas itu], bila dah buat kerja, pusing sana pusing sini, Allah pertemukan jodoh, baru saya mula keluar dari Meru kerana ikut suami. Di *Kolumpo* [Kuala Lumpur] kemudian patah balik. Kalau *takda* [tiada] suami patah balik Meru, ada suami nanti kalau Allah bagi, keluar lagi kami ke *Kolumpo* [Kuala Lumpur] ke mana-mana, *pas tu* [selepas itu] kalau suami meninggal, patah balik. Macam tu je urusan saya.

NN : **Berapa umur Mak Mah sekarang?**

RS : Sekarang saya enam puluh lapan [68] lah.

NN : **Boleh tak Mak Mah sebutkan nama ayah dan ibu Mak Mah ?**

RS : Ayah saya semoga Allah memberi rahmat ke atas nya. Seorang ayah yang berdisiplin, bagi ilmu dunia dan akhirat, Haji Sidek bin Haji Hassan.

Nama arwah mak, yang rajin, cantik, menghormati suami, *very friendly* [sangat peramah] Hajibah bin Haji Ali.

- NN : **Baiklah. Kalau Mak Mah ingat, boleh tak [tidak] Mak Mah ceritakan sedikit sebanyak tentang zaman persekolahan Mak Mah? Kalau Mak Mah masih ingat.**
- RS : Masa sekolah dulu masih ada komunis lagi kan, tahun lima puluh [50] an. Mak Mah selalu kalau pergi sekolah menangis kat jalan. *Pastu* [selepas itu], *bapak* [bapa] kita masa *tu* [itu] polis simpanan kan, *IC* (tidak difahami) tapi kena keluar tinggalkan rumah. Mak kita pergi menoreh getah. Masa *tu* [itu] masih ada kes curi semua lah. *Kitorang* [kami] malam bila malam selalu tak hidup kan lampu lah. Rumah kita pun masa *tu* [itu] dindingnya buluh, rumahnya\_ \_ kan, orang melayu keadaannya kan kalau yang tinggalnya dekat sempadan kebun getah belakang. Memang mudah lah kalau polis atau komunis nak hampir ya. Sebab di situ masih ada harimau *seme* [semua]. Yang kita, kalau menjerit-jerit malam dalam tu [itu] memang harimau lah. Harimau dan musang. Maknanya, memang betul-betul hutan. *Bapak* [bapa] kita bertugaslah untuk bangsa dan negara yang dicintai kan. Macam komunis dan--- masa itu masih ada komunis di tempat kita dan waktu pasukan keselamatan dapat menewaskan komunis pun saya ada di tepi jalan. Tengok macam mana tentera mengarak kepala komunis *tu* [itu] kan di Meru. Jadi saya sempatlah, masa tahun lima puluh satu [51] ke lima puluh dua [52] ke kan. Tahun lima puluh empat [54], lima puluh lima [55]. *Pastu* [selepas itu] apa awak tanya tadi?

NN : **Zaman persekolahan.**

RS : Zaman persekolahan. Saya sekolah *tu* [itu] berulang-alik selalu nangis lah. Nangis jalan nya jauh Sekolah Sungai Binjai. Budak masuk kelas mesti saya baru sampai. Kecuali la bapak saya ada. Kalau bapak saya ada, dia nak pergi dia punya markas, baru dia *carry* [bawa] saya sekali. Ada suatu hari *tu* [itu], saya menghala ke sekolah bapak saya menghala ke sana (ambil menunjuk ke arah satu tempat). Bapak kita naik *mini mock, Land Rover* tu kan. Dia nampak anak dia, kita pun “Baappaakkkk” menjerit kan jalan. Bapak saya ingat ambil bekalan dia kan ada biskut \_ untuk askar. Dia jatuhkan daripada *Land Rover* tu. Saya ingat lagi saya pun lari-lari ambil kutip, nangis pergi sekolah. Memang sekolah *ni* [ini] memang dengan air mata lah orang cakap. Orang jawa kata *keciwek* [cengeng] pun iya. *Keciwek* [cengeng] saya anak nombor dua, *keciwek* [cengeng]tu memang orang yang suka nangis, *cengbeng* suka merajuk , sensitif macam tu lah. Orang *cenggeng* macam tu lah.

NN : **Okay [baik]. Berapa adik-beradik Mak Mah?**

RS Adik-beradik sebenarnya kalau ada semua sebelas tapi meninggal dua, kembar dengan mak. Mak meninggal bersalin. Bila mak meninggal bersalin *tu* [itu], runtuh lah semua. Dunia *ni* [ini] macam dah gelap, langit macam *dah* [sudah] pecah. Sebab *kitorang* [kami], masa tu kita lima belas [15] tahun kan. Baru belajar memasak, belajar mengait, belajar menekap, mak kita orang-orang macam *tu* [itu] kan. Buat bunga kita ikut *je* [saja]. Nanti, jadi anak dara mesti

cantik, mesti pakai tali pinggang, mesti bersih, laman mesti ada pokok bunga. Semua kita ikut. Kita ikut cakap mak kita. Mak kita pandai buat manisan, pandai mengait, ikut mengait. Buat sulam mesin, buat sulam mesin. Ikut *aje* [saja]. Memang anak yang suka, rupanya bila anak yang terlalu menghargai mak bapak, rupanya Allah nak ambil juga. *Tu* [itu] lah, kalau kakak *tu* [itu] kawin [kahwin] tahun enam puluh tiga [63] tinggal rumah *ni* [ini], *kitorang* [kami] bertangis-tangis juga. Sebab kakak *ni* [ini] diambil orang, yang tukang masak kita. Adik *ni* [ini] nangis kalau kakak nya *nak* [hendak] balik sini \_ \_ “kaakaakk” kita pun *seme* [semua] nangis.

- NN : **Apa nama suami Mak Mah?**
- RS : Suami pertama patut nya Mohammad Taib bin Hussain. Tapi pernikahan *tu* [itu] hanya satu malam. *Tu* [itu] *seme* [semua] kehendak Allah kan. Masa *tu* [itu] kan Mak Mah satu orang Mak Mah terus je kan oh baik jaga adik-adik lah, *tu* [itu] ada orang tua dia\_ \_ tapi bapak saya terlalu sayangkan saya. Wallahu alam lah motif kita tak tahu kan, tapi ternyata hari besar tu semua tak boleh dijalankan. Sebab pada saya kalau mak bapak kita *clash* [bertentangan] apa erti perkahwinan kita. Walaupun saya kecil tapi saya *dah* [sudah] pandai. Masa *tu* [itu] suami, dia datang dia cakap macam nak pilih dia, dia *dah* [sudah] nak balik Serawak. Dia ke bapak kan. Kalau ikut dia, maknanya kita tinggalkan bapak kan. Tapi kerana prinsip saya ‘nasi lemak buah bidara, sayang selasih saya turut lurutkan kan, orang *dah* [sudah] buang mak buang sedara [saudara] kerana kasih saya turutkan’. Saya tak main pepatah. Saya kata

kalau saya turutkn hati saya, walaupun saya tak berdosa dengan dia, kita berdosa dengan dia, tapi demi nama baik keluarga, saya ikut bapak saya, saya tak ikut dia. Maka terlerai lah. Setahun lebih *tu* [itu] gantung *tak* [tidak] bertali, terlerai. Itu dah mula la titk-titik duka dalam hatikan. Teringat lah mak *tidak ada*[tiada] jadi macam ni. Dia *refer* [rujuk] balik la *menda* [benda] tu kan. Macam tu kehidupan tu. *Tu* [itu] yang pertama, *second* [kedua] ambil pakcik Tompel lah. Bila Pakcik Tompel tahu kita ni janda berhias, maknanya masih anak dara, pakcik Tompel kan suka anak dara. Kononnya waktu tu, saya cantik lah kononnya. Yang cerita Anak Bapak tu. Kan belum kahwin. Memang lah orang semua cantik kan. Nenek kita dulu pun cantik kan macam tapi bila dah tua, jadi macam Mak Mah sekarang lah. Tapi waktu cantik orang meraikan kecantikkan kita, pakcik Tompel ambil. Dengan pakcik Tompel sekejap je. Lahir Azlan dengan Adlin, dua [2] tahun lebih dia maknanya tiga [3] tahun, *dah* [sudah] meninggal. Satu orang lagi. Bila satu orang lagi, namanya Ahmad Syafari, tauke sate dekat Keramat. Orang nya kasih dengan jemaah, orangnya tempat nya surau masjid, orangnya memang macam Mak Mah sukalah. Dalam hati memang suka orang macam tu kan. Orang jawa. Isterinya meninggal, anak nya sepuluh [10] orang. (ganguan) Belum sempat kata iya, dilamar *tu* [itu], dia *dah* [sudah] jumpa bapak kita, terus nikah. Macam *volunteer* [sukarela] lah berkhidmat untuk bangsa dan negara. Belum sempat lah kata iya, “saya setuju”, belum. Kita baru macam “saya kerja, tapi *takpa* [tidak mengapa] lah, rasanya dengan kerja ni [ini] boleh lah saya nak menyara anak dua orang tu Adlin dan Azlan” kan. Tapi masa *tu* [itu] saya cantik jugak

lagilah pakai kebaya, tapi itu Allah yang buat Dia buat sikit-sikit. *Pastu* [selepas itu] belum sempat cakap kan, dia kata “saya dah pandang, saya dah tengok, awak lah ganti isteri saya”. Noktah dah. Kahwin *tu* [itu] ingat sampai tua lah. Bawak lah Adlin dengan Azlan masuk dalam rumah *tu* [itu]. Sepuluh [10] orang, kakak nya kawin satu. Pastu *struggle* [susah]lah kehidupan \_\_\_\_\_. Ingat kan *tak* [tidak] payah berlakon lagi lah. Saya nak jadi macam \_\_\_\_\_ binti Abu Bakar \_\_\_\_\_ bukan Ruminah Sidek lah. Tidak juga Allah *tak* [tidak] takdirkan macam *tu* [itu]. Kehidupan sempit. Rupanya bila saya buat kerja saya balik, baru ekonomi mula menaik balik. Bermakna itu lah rezeki saya agaknya. Saya juga nak tunjuk dengan suami bahawa saya bukan seorang perempuan yang meminta-minta. Kita *dah* [sudah] perang dengan adik-adik, dah hidup dengan adik-adik, benda dah banyak *step* [langkah] dah, sekarang dengan suami. Lepas tu belum sempat cakap--- masuk lah rumah, lahirkan anak perempuan tiga puluh empat [34] hari meninggal *pulak* [pula]. Ahmad Syafari meninggal umur lima puluh lima [55] tahun. Dia meninggal, dukung yang *kecik* [kecil] dia *baby* [bayi]. “Halijah, sekarang jenazah abah telah dibawa. Bermakna Halijah tidak, kita tidak akan jumpa abah selagi ada hayat. Halijah akan tinggal dengan mak. Selagi ada hayat kita, jadilah anak yang baik nak.” Cium cium cium (sambil melakonkan). Jenazah pun dibawa. Al-fatihah. Tapi dengan doa kita barangkali, Siti Nur Halijah ni, sekolah elok tak pernah kena, pasal di tak buat pasal. Budak lain main, dia tak. Dia tak, dia main dain terup. ”Aa, nanti jatuh” *Seme* [semua] *takda* [tiada]. Dia tengok je budak. Saya pergi jual ke RTM [Radio Televisyen Malaysia], apa-apa “Haa ni duit bagi emak ni

bagi tu, ni”. *Pastu* [selepas itu] suruh berlakon, “Halijah berlakon ya, Halijah boleh berlakon kan”. “Tak boleh, saya nak periksa”. Dari kecil dia boleh bagi jawapan tu. Bukan kata boleh lah nak berlakon lah *mentel-mentel* [gedik-gedik] kecik [kecil] lagi, ustazah lalu, alamak dia tutup rambut. Tak pakai tudung. Hari tu, dia ada konsert, darjah empat. Saya belikan gaun, sebab *takda* [tiada] anak perempuan kan. Belikan gaun, rupanya *last-last*[akhirnya] “Mak, lain kali mak tak payah beli gaun. Halijah *taknak* [tidak hendak] pakai gaun” kecil lagi dia dah ada iman tau. Dia nak jaga aurat. Masa tu dia dah wakil sekolah, baca yassin, baca tu hafazan. Abang-abang dia semua nangis “adik, abang pun tak boleh buat, adik” anak yatim kan. Itu lah Halijah.

NN : **Mak Mah, macam mana pengenalan Mak Mah dengan Allahyarham A.R Tompel?**

RS Dia nak buat program TV [televisyen] kan. Masa tu [itu] belum banyak episod kan. Yang cerita berepisod lah kan. Sekali dia kata nak jadikan perempuan umur lima puluh tahun. Masa *tu* [itu] Mak Mah baru dua puluh dua [22], dua puluh tiga [23], gitu [begitu] lah. *Pastu* [selepas itu] ada kata, ada satu budak Klang lah. Dulu mana ada \_ \_ course [kursus] kat New Zealand kan dia ambil bahagian pengarahan kan. *Pastu* [selepas itu] dia cari-cari, Mak Mah ada atas pokok rambutan. Pakai gaun pulak *tu* [itu]. Pakai gaun atas pokok rambutan. Menyanyi, mengenang nasib *ni* [ini] lah, mengenang nasib. Orang nya pergi kat Klang cari mane Ruminah Sidek. “Ow, adik dia ada sekolah kat High School” dia kata. Dekat MGS Methodist Girl School. Adik saya Rosmah.

Tanya dia [Rosmah], dibawa Rosmah *tu* [itu] dengan *uniform* [seragam] gaun hijau tu kan *uniform* [seragam] sekolah tu *bawak* [bawa] sampai rumah sekali dia kata nak buat program ni, dia tinggalkan naskhah, dia tinggal kan skrip. Tapi waktu saya *dah* [sudah] ada kursus drama *kat* [dekat] Kuala Kubu yang pertama. Kuala Kubu kan dulu ada *course* [kursus] drama. Kat Malaysia kat Kuala Kubu lah dulu. Tahun enam puluh dua [62] macam tu lah. Lepas tu, *pastu* [selepas itu] datang skrip *test* [ujian] tu dekat penuh Jalan Ampang tu dekat TV [televisyen] yang lama. Sekarang Saloma Bistro \_\_\_ kat situ. Kan bangunan tu. Dulu kan TV [televisyen] kat situ. Kita ni dari kampung. Pandai nya pandai kat kampung, tapi ada ilmu lah kononnya. (bunyi nada dering telefon) .Tapi kat kampung ni kita selalu masuk peraduan Ratu Cantik. Bapak kita disiplin, kalau dia kata masuk, jangan kata *taknak* [tidak hendak]. Nanti nampak *ni* [ini]. Bagi tapak tangan. Bapak saya. Pastu buat tu semua atas arahan. Bukan kita suka-suka nak nyanyi, bukan suka-suka nak berlakon, bukan. Memang itu disiplin. Dia nak buat malam kalau *organise* [atur] apa-apa, anak dia suruh buat dulu. “kau jangan taknak, kau taknak kau ingat boleh keluar rumah, kau nak suka-suka” macam tu. Jadi kita kerja jadi berdisiplin lah kononnya. Apa soalan awak tadi?

NN

**Pengenalan dengan Allahyarham A.R Tompel**

RS

Masa *tu* [itu] buat program lah. Buat buat program RTM [Radio Televisyen Malaysia] TV [televisyen] *tu* [itu] lah. A.R Tompel tu ceritanya apa, Keluarga Tompel. Kononnya popular lah dulu. Popular, orang lawak, orang nya\_ \_

Singapura dengan Malaysia. Suka sangat, dipanggil buat *show* [persembahan] sana. Tapi *diorang* [mereka] ingat Mak Mah tua. Dia *tak tau* [tidak tahu] Mak Mah baru dua puluh tiga [23] tahun, anak dara kan *make up* tua kan, masa *interview* [temebual] tu, kita pastu eh kita lagi. Dengan anak bujang, eh kita lagi. Dengan\_ eh asal aku je kan. Bodoh kan. Rupanya dia nak *try* [cuba] jadi mak boleh, jadi nenek anak boleh, dengan budak boleh kan masa cerita *family* [keluarga] kan. Kira baru macam--- ingat orang-orang tu cakap, “awak mesti dapat” kita cakap “eh eh apa plak, aku pun apa tak tahu”. Tapi rupa-rupanya betul pula. Masa tu abang saya main\_ \_ kat\_ \_ dia kata awak lulus. Awak dapat dia kata. Maknanya masuk TV [televisyen] lah dapat. “Yeee, dapat masuk TV” kita pun *takda* [tiada] TV [televisyen]. Satu *je* [saja] kedai cina depan *tu* [itu] *kat* [dekat] simpang tu ada TV. Kalau siaran nya keluar semua orang kampung lari pergi macam tengok wayang. Jenguk jenguk jenguk, TV bayar dua puluh [20] sen. Ha bodoh betullah . Pada *tu* [itu] Cik Tompel, Cik Tompel kan suka orang cantik. Ingat agaknya cantik ke pandai ke dia buat *show*[persembahan] kan. Buat *show* [persembahan] sana sini memang la nampak cantik, dulu kan memang lah kan, dulu kan kita punya Islam cara yang ada macam tu orang orang boleh, tapi tidak lah sampai macam mana tapi belah jugak lah. Dia tengok tengok selalu dia cakap, “Mak ni kan, Bapak suka dengan Mak” Ek eleh, *pastu* [selepas itu] Mak ada *boyfriend* [teman lelaki] jugak kan, *technician* [juruteknik] kat RTM. Anak dara, orang suka lah kan. Dah bertunang ada lagi orang datang meminang, amboi laku betul ni. Konon akhlak mak saya kata, akhlak tu kena jaga. Dengan orang jangan--- cubit ke

panggil abang ke. Jangan nak panggil-panggil orang abang. Abang tu satu abang saudara, dengan abang betul. Kita *takda* [tiada] abang betul, ada suami. Sekali dapat suami satu pun *tak* [tidak] ada *tittle* [pangkat] panggil abang. Semua dah tua-tua kahwin, *tak* [tidak] kahwin dengan orang muda.

NN : **Mak Mah, Allahyarham A.R Tompel ni dia berasal dari mana?**

RS Dia asal dari Sumanter\_ Jawa. Bukit Tinggi. Dia pun lari, mak dia jerit-jerit, dia lari ke Malaysia konon nak buat bangsawan, nak teruskan karier. Dulu dia seorang guru, guru bahasa Inggeris, sebab Inggeris dia *proper* [betul]. Kalau kat sana orang\_ Inggeris dia *proper* [betul] tau. Dia menari dia itu, dia semua boleh. Dia serba boleh walaupun muka nya *tak* [tidak] *handsome*[kacak] kan. Kalau cakap *handsome* [kacak], memang gila lah *korang* [/kamu semua].

SA Manis tu ada. (ketawa)

RS : Itu P. Ramle. Dia bukan. (ketawa) dia memang kelakar tu ada lah kan. Tengok gigi dia pun *dah* [sudah] *takda* [tiada] kan. Orang sampai cakap takda orang lain ke kan. Mana aku tahu kan. Mak Mah ni waktu semua orang macam *volunteer* [sukarela] je tau. *Takde* [tiada] la kata pilih, “ow yang ini”. Sampai *tak* [tidak] tidur malam, teringat, *takda* [tiada]. Dua-dua yang lepas *tu* [itu], termasuk lah yang nombor tiga tadi tu. *Tauke* [pengusaha] sate *ni* [ini] pun *takda* [tiada].

- NN : **Mak Mah, ada tak perubahan sebelum dan selepas kahwin?**
- RS : Perbezaan itu ada beza, tapi Mak Mah *ni* [ini] bukan orang yang *tak* [tidak] mengongkong hati. Saya sejak berumah tangga itu kononnya tanggungjawab, dosa, pahala saya *dah* [sudah] kedua kan *dah* [sudah] *menda* [benda] ni. Tapi rupanya, masyarakat Malaysia ini masih gemar, dapat surat tu kenapa *tak* [tidak] berlakon lagi, kenapa *gitu* [begitu]. RTM dulu TV Malaysia tu sampai datang orangnya ke rumah. Kenapa orang *ni takda* [ini tiada], kenapa. Siapa yang tak membenarkan. Dulu suami itu benarkan saya, encik. Tapi Cik Tompel kan cepat meninggal, bila masuk yang ke tiga tu orang RTM sampai datang ke rumah. Bawa surat-surat bahawa kenapa orang ini *takda* [tiada] dalam program. Sedangkan orang ni dia kata, *tak tau* [tidak tahu] lah peminat dia ke apa. Wallahualam. Ingat lagi tu. Masa tu penerbit Encik Zainal Abidin, rekod dulu baiklah. Tak tau lah. Dia tunjuk tapak tangan tu jangan lah kau berlakon semula. Jangan kau nak berkepit-kepit lelaki. Nak kekekeke (pura-pura ketawa) kan. Garang tapi agaknya berkat berdisplin, kerja tu saya buat sampai tua agaknya kan. Wallahualam. Lagi?

- NN : Okay [baik] Mak Mah. Hobi Mak Mah masa lapang?
- RS : Orangnya memang *overall* [keseluruhan]. Mengaji suka, suka bercucuk tanam, suka cantik-cantik, sosial, maknanya dengan orang, rewang-rewang rumah, memang *havoc* [gempak] betul. *Tak* [tidak] cukup masa lah. *Takda* [tiada] orang kata dari anak dara tak pernah kata *boring* [bosan]. Penuh je [saja]. Masuk tentera wataniah, belia, apa saja. Semua kena. Sebab *tu* [itu] kalau ada

orang kata *boring* [bosan] tak tahu buat apa. Eh, orang dulu belajar buat kuih, tak cukup buat kuih, dia belajar menari. Tak cukup belajar menari jadi askar wataniah. Tak cukup askar wataniah, pergi *show* [persembahan]. Hari tu buat drama radio. Ada orang, dia tak hebat, dia tak bagus. Cuma dia masa sekolah kita ada wakil sekolah. Pertandingan syarahan perempuan, bahas perempuan, suara, baca syair seluruh negeri Selangor, dari *kecik* [kecil] agaknya kita dah terdedah dengan pertandingan-pertandingan jadi *nervous* [gementar] jadi sikit tapi *confident* [yakin] tu lebih. Suka dengan kemenangan tapi tak hebat. Saingan kita tulah, Datuk Bandar Shah Alam, kita jadi macam *ni* [ini], dia Datuk Bandar, dia jadi ahli parlimen, Mak Mah jadi macam ni. Saingan dia tau. Memang jauh graf nya tapi *i'm happy* [saya gembira] lah kat dunia ni Allah bagi saya sikit-sikit lah, lama-lama jadi bukit lah. Baik sikit, nakal sikit, rajin sikit, malas sikit, buruk sikit, cantik sikit. Tulah. Tapi *totally* [keseluruhan] *full* [ penuh] *jugak* [juga] kan. *Part time-part time* [separuh masa] kira *full time* [sepenuh masa], kira *overdose* [terlebih] lagi.

- |    |  |
|----|--|
| NN | <b>Macam mana Mak Mah bahagikan masa lakonan Mak Mah dengan keluarga?</b>  |
| RS | Memang sentiasa terbahagi dengan izin Allah. Suami-suami tahu bahawa saya adalah pelakon. Makna kerjaya berlakon ni, disiplinnya kalau pukul tujuh <i>on the dot</i> [ <i>masa itu</i> ] jadi saya kena keluar pukul berapa. Suami yang kemudian tu lagi, dia tengok awak kena sampai pukul berapa. Kalau kita masih kononnya nak lap lap meja lagi, masak supaya dia jangan ada--- dia orangnya disiplin. Kat |

rumah kan jangan ada satu cawan pun kat sinki kalau kita nak tinggal kan rumah. Mat Combat tu. Jadi kita belum pakai lipstik lagi, nanti dia dah, pukul berapa kena sampai. Nanti kita kata, empat. Tinggal *je* [saja]. Suara dia bukannya “tinggal lah”. Dia macam tu kan. Jadi kalau saya ada kejayaan ke apa-apa, saya takut dengan dia kan. Takut mengatasi segala-galanya. Sayang ada, hormat ada, takut *tu* [itu] juga depan. Ingat lagi masa tu ada dapat Berita Harian apa tah *award* [anugerah]. *Takda* [tiada] bawa siapa-siapa. “Mak Mah dengan *sapa* [siapa]”, “*takda, sorang*”. Tak pernah dibuat orang. *Sorang* [seorang] datang keluar dari kereta tu kan, jalan gedek-gedek, dia tengok TV dekat rumah, saya pun *tak* [tidak] cakap pun. Saya cakap “emm malam ni kita ada, emm kat hotel”. Tengok-tengok rupanya saya terima anugerah tu kan veteran apa tah. Masa tu dapat dua. Balik *je* (saja) terus, *shake hand* [jabat tangan]. Tapi dia *tak* [tidak] salahkan saya jugak. Saya rasa aib, saya rasa malu kerja ini kalau tak bagus. Sedangkan awak askar disiplin, sebab dia pernah kata tak pencepun awak. Saya aib kan, jadi saya tak *poyo* [bangga] lah. Tapi dia *heran* [hairan] kenapa saya boleh baca skrip banyak tebal macam ini. Tak nampak pun awak baca skrip. *In my heart* [di dalam hati]. Menjawab jugak tu. Menjawab tu menjawab. *Fight* [lawan] boleh tapi takut kerana susah silap tu kat depan. Tapi kalau ada *fight* [lawan], *sit down, sit down* [duduk duduk]. “Saya pukul tujuh saya pergi sini, pukul lapan saya ada kat sini, *pastu* [selepas itu] saya sini, saya\_ sekian kemudian saya sampai di sini. Yaa ada apa ya”. Kau pulak kena rumusan, tak tiket bas pun kena simpan. Jadi saya *dah* [sudah] biasa dengan *menda* [benda] tu. Combat, kalau dia kata “tadi nampak awak kat

Shah Alam” *tak* [tidak] kisah lah serkap jarang ke benar, saya terangkan lah.

Pukul lapan saya sampai , sembilan saya *make up* [bersolek], sepuluh saya masuk studio, *break* [rehat] ni, saya *wrap* pukul enam, saya naik bas sampai sini pukul sepuluh setengah malam. Pukul sebelas setengah dia tanya. *So* [jadi] jawapan tu kena ada. *Proof* [bukti] kan, askar nak *proof* [bukti], aku pun kena *proof* [bukti]. Dia kata *local*\_ *takda* [tiada] disiplin. Kita lah\_ dia *soldier* [askar] kan.

NN : **Mak Mah macam mana Mak Mah memang nak jadi pelakon dari kecil ke cita-cita?**

RS Dari kecil suka orang cantik. Jadi ada satu pelakon tu, duduk kat tungkul bergambar. Gambar besar bapak saya simpan. Saya cakap, bapak, saya tarik-tarik tangan dia. Saya ingat lagi peristiwa tu. “*Tu sapa* [itu siapa]?” *Kat* [dekat] tepi pantai gambar dia. “oh tu miss Liya. Ni bintang filem”, dia cakap. “Bintang filem?” “Iya lah orang yang kat wayang”. Saya cakap “eee suka, cantik, rambut panjang”. Tengok orang perempuan pakai kasut tinggi-tinggi cantik. Orang tu jatuh pun saya suka tengok. “Cantiknya, orang tu jatuh” —— tengok wayang tu dengan penghayatan dari bapak dah ada. Macam tu. Saya suka lah. Suka orang putih, semua suka lah. Suka tengok orang *acting* [berlakon]. Tapi tak cakap nak jadi pelakon, *takda* [tiada]. Tapi kalau pertandingan ratu cantik ke kebaya Selangor menang. Tapi tak jadi lah *Miss World* [ratu dunia]. Tapi menang la daerah-daerah.

- NN : **Usia berapa Mak Mah melahirkan anak sulung Mak Mah?**
- RS Dua puluh lima [25] kot. Dua puluh lima [25], dua puluh enam [26] macam tu lah rasanya. Sebab kalau tak umur lima belas [15] tahun tu dah kahwin kan. Lepas\_\_ meninggal taknak--- nak jaga adik-adik kan. (gangguan)
- NN **Okay [baik]. Berapa bilangan anak Mak Mah?**
- RS Anak Mak Mah lahirkan cuma enam tapi Allah bagi lagi nikmat dia tambah sepuluh lagi so [jadi] tiga puluh lebih lah.
- NN **Okey [baik], berapa lelaki dan berapa perempuan?**
- RS Anak sendiri lima lelaki sorang perempuan. Yang seorang perempuan tu ada munajat dengan Allah lah supaya hidupnya jangan lah ada kedukaan ataupun main *test-test market* [cuba pasaran] macam Mak Mah ni. Tak berani ada perempuan tu kan. Tapi Allah bagi satu itu Siti Nur Hadijah tidak pulak langsung mengikut jejak saya. Dia dalam akademik bagus, sampai belajar kat UTM [Universiti Teknologi Malaysia] dia dalam bidang sains kimia kan. So [jadi] balik tiga hari dapat kerja, belum *grad* [tamat belajar] lagi dia dapat kerja so [jadi] kekal sampai sekarang lah. Jadi anak yang sembilan puluh lapan [98] kali baik dari Mak Mah. (gangguan)
- NN : **Okey apa lagi anak-anak Mak Mah lakukan sekarang?**
- RS Anak-anak?

- NN           **Anak-anak yang lain?**
- RS           Anak-anak yang lain semua dengan rumah tangga masing-masing. Tapi bidang kerjaya macam kita bidang industri Adlin Aman Ramli. Yang lain ada muka *handsome-handsome* [kacak-kacak] jugak, ada satu mamat\_ \_ ni dari awal dia jadi, “Hey, kamu personaliti cukup\_ \_” *taknak* [tidak hendak], *takda* [tiada] dia kata. Dia macam *support* [sokong] dari segi apa-apa *je* [saja] dengan abang dia. Adlin sebenarnya dia masuk bidang ni saya tak menyahut jugak, saya diam. Sebab dia sekolah pandai kan. Saya ingat lah kalau doktor tu konon menjamin hidup apa ke benda lah penjawat kerajaan ke kan. Tapi dia dah makan pakai guna duit ini ataupun takdir dia sendiri jadi saya diam, dia pun diam. “Mak, mak jangan susah hati ya. Adlin bukan berlakon” dia kan bukan suka berlakon pun, dia kan *more* [lebih] kepada penulisan pengarahan. Saya pun saya diam *je* [saja]. Bila dia buat Puteri Gunung Ledang, Teater P. Ramlee lah betul-betul boleh tu “ow Adlin boleh buat eh” memperkecikkan (ketawa)
- NN           **Mak Mah bagi tak kalau cucu Mak Mah berlakon jugak?**
- RS           Kalau oleh kerana bakat dan kerana niat yang baik untuk industri dan ini adalah kerjaya yang baik untuk dia tidak salah gunakan kehidupan, saya setuju. Sebab ini memang kadang anugerah dari Allah kan. Kan banyak orang nak muka cantik, *handsome* [kacak], bapak dia suruh, mak dia suruh, kau nak kasut tinggi aku belikan kau nak ini aku belikan tapi takda bakat, tak boleh. Dua perkataan dia ungkap, dua perkataan *director* [pengarah] boleh tahu dia boleh berlakon ke tak. Kita tahu, dari gerak laku dari cara. Saya kata kan, saya minta

maaf encik sebenarnya saya tak tahu pun perkara ni nak kena berlakon. Satu perkataan tu saja pun. Saya baru sampai tuan. Itu pun kita boleh tahu dia boleh ke tak boleh. Dengan air muka dengan *confident self* [yakin diri] dia dengan cara dia, kita dah tahu dia *talent* [bakat] ni boleh ke tidak ada bakat ke tidak. Bukan lah angkuh tapi boleh lah pandang sikit.

NN

**Okay [baik]. Siapa idola Mak Mah dalam bidang lakonan ?**

RS

Idola semua hebat-hebat tulah. Aada satu pelakon orang putih yang tua tu yang sapa nama, bukan \_ perempuan tu. Dia dah cukup tua dah. Tapi kalau kat mahkamah kat mana dia memang aktif orangnya. Memang saya kan *more* [lebih] kepada menda yang *ronsok* [rosak] tau. Saya *acting* [berlakon] bukan kerana cantik. Bila saya dibagi cantik saya akan bukan saya rasanya. Saya *more* [lebih] kepada macam karekter ke kehidupan yang teruk, alam la. Pada hidupan *nature* [alam]. Saya bukan berlakon yang saya akan saya tak cantik saya kena jadi cantik, saya tak kaya saya akan berlagak jadi kaya. Kalau itu saya rasa, *sometimes* [kadang-kadang] ada orang-orang lagi suka dengan karekter begitu. Kalau nak *test* [cuba] tu mungkin boleh tapi untuk kegemaran itu bukan pilihan saya. Kalau disuruh pilih lah, tapi kalau perempuan teruk dikejar lembu masuk parit dan terhempap pokok kelapa dan itu mungkin saya lah.

#### **TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: KERJAYA

- NN            **Okay [baik], kita pergi ke kerjaya pula?**
- RS            Haa..
- NN            **Kenapa Mak Mah memilih lakonan sebagai kerjaya Mak Mah? Bukan nyayian ke ?**
- RS            Tapi waktu dulu *menda* [benda] ni memang kena ada. Menyanyi kena boleh, menari kena boleh, personaliti maknanya cantik ke macam mana kena ada. (gangguan) sambung
- NN            **Okay [baik]. Tadi Mak Mah ada sebut pasal kumpulan bangsawan kan.**
- Boleh tak Mak Mah ceritakan sedikit pasal kumpulan bangsawan tu?**
- RS            Rasa lah semua tu. Bila tahun lima puluh [50] an kita rasa. Jadi pernah lah kita menonton tengok-tengok macam tu orang atas tu, macam Mak Mah cakap tu, rupanya dia tahu budak ni boleh ke tak boleh. Lepas tu ada kan dulu kalau ada bangsawan orang kampung jugak ada buat sambutan. Kutip derma, persembahan dari kampung. Jadi ratu cantik, orang kampung masuk bertanding, menang orang kampung tu kan. *Pastu* [selpas itu] saya ingat lagi, saya di *make up* [disolekkan] kan oleh orang bangsawan tu. (gangguan) Dia taruh *make up-make up* [solek] tu “Hoo cantik” dia kata gini-gini, menang. Sekali ada orang sakit apa tah pelakon ni ambil kita suruh berlakon jadi Raden Mas. Kena ketuk kepala ni dengan pinggan kan, mak tiri tu kan. Nangis, sedih,

nyanyi “jangan lah tuan ku” (nyanyi) nangis la kan masa tu kan macam tu. (nyanyi) pancaragam pun berbunyi macam tu dulu, buat la dulu. Jadi kerana kita boleh, kononnya lah, masa tu lah.

- NN           **Okey, selain dari bidang lakonan, apa lagi bakat orang lain tak tahu pasal Mak Mah?**
- RS           Dulu kalau menembak pun boleh, tapi \_\_ tu lah, tapi bukan *stand gun* la, dulu-dulu lah. Lepas tu kawad-kawad tapi tu lah Mak Mah punya suara bergerak punya kepantasan tu ada lah sampai sekarang kalau suami komander pulak mana ade terhegeh-hegeh kat belakang tu kan. Tau lah kan. “Ape hal”, dia kata “ni ni ape hal”. Orang kedek-kedek dia tolak terus. \_\_, lagi dia campak ular tu kat kita. Haa tu la, lipan dia pegangkan, tengok walaupun kita kat dalam ni tapi jangan cakap. Terus ambil katak tu kat sini. *Diorang* [mereka] kalau berlakon kadang suruh Mak Mah itu ini telan\_\_ telan itu jadi *setan* [hantu] jadi nenek tau lah kan. Semua tu Mak Mah boleh buat lah. Lompat parit, panjat pokok, terjun Mak Mah boleh buat, jadi Rashid Sibir suka. Senang dengan Mak Mah, yaa senang (ketawa),
- NN           **Okey. Dari apa yang saya sudah baca, Mak Mah selalu menujuarai pertandingan syair negeri Selangor.**
- RS           Dulu..

- NN           **Siapa yang ajar Mak Mah bersyair ?**
- RS           : Kita bersyair tu kita dengar la dari cikgu mengajar lepas tu cari alternatif la kemudian kan dulu kan ada bangsawan kena bersyair. Kita kan wakil sekolah, jadi cikgu kata budak ni boleh bersyair ni ni saring-saring *last-last* [akhir-akhir] kita kan. Menang pulak tu, dari Meru pindah kat Kapar jadi wakil, lawan pulak dengan Meru *proud to be school* [berbangga menjadi pelajar sekolah] la. Menang la lawan lah sampai ke sana tu Dewan Bahasa dan Pustaka kan. Masuk surat khabar muka depan lagi. Tahun lima puluh lapan [58] tahun enam puluh [60] dah jadi juara. Masuk surat khabar jugak dapat hadiah daripada seorang murid *gitu* [begitu] lah dari sekolah terpinggir Kampung Tok Muda. Jalan lecak jalan tikus tu sekolah nya kan atap lagi kena ribut tumbang semua. Ingat lagi budak-budak semua, tumbang sekolah kena kat bawah rumah orang. Suruh dengar nak lawan Selangor seluruh negeri ni. Budak-budak semua lari duduk kat bawah pokok kelapa semua dengar, (bersyair) ingat lagi syair tu. Kononnya boleh tarik suara tinggi tapi tak\_\_ gitu lah. *Pitching* tak lari, menang. Lawan semua negeri eh menang pulak. Kalau menang kalau balik mesti beli rojak mamak maknanya menang, dulu kan batakan lagi, mana ada KFC [Kentucky Fried Chicken] semua.

- NN           **Okay [baik], pada tahun lima puluh dan enam puluh an Mak Mah aktif dengan kegiatan belia kampung. Apa contoh aktiviti yang dijalankan?**
- RS           Ada kumpulan wanita tu apa tu, alah dulu kan ada kumpulan wanita. (ambil mengingat)

- SA           **KEMAS?**
- RS           Masa tu mana ada KEMAS. Kumpulan wanita-wanita macam tu lah. *Pastu* belia lah belia. Belia untuk misal kata jajahan, pertandingan-pertandingan.
- SA           **Belia 4B eh ?**
- RS           Sebelum tu lagi, belia 4B masuk tahun berapa. Makna semua dengan belia tu apa lah. Aktif lah dalam kampung.
- NN           **Mak Mah, orang yang pertama mengesan bakat Mak Mah ?**
- RS           Bapak lah. Kalau pertandingan apa ni beragam, jadikan kita *nurse* [jururawat]. *Nurse* [jururawat] bawa\_ kertas. Mak kita buat itu semua, kat kampung. Bapak kita yang *organise* [atur] tau, jadi kita mesti ikut dia lebih. Macam\_ jadi itu jadi ni, dilatih. Jangan kata *tak nak* [tidak hendak], modal nya memang anaknya sendiri. Dia nak kutip derma untuk sekolah kan, ada pertunjukkan. Kita lah. Nyayian la itu. Kalau buat pertandingan menyanyi jemput la dari Meru ke Bukit Kapar, Bukit Kayu jajahan Klang kan. Sekali lama *menda* [benda] ni besar besar sampai daerah lama-lama orang tahu Ruminah Sidek. Ehh tu Ruminah Sidek eh tu Ruminah sidek (ketawa) bila dah jadi Mak Mah, dah jadi Mak Mah pulak. Tu yang orang ingat Ruminah Sidek, tu yang tahu Mak Mah tu orang tua, rupanya Mak Mah tu adalah Ruminah Sidek.

- NN Okay [baik]. Berapa banyak filem yang Mak Mah pernah berlakon?
- RS Filem tak banyak kot tapi yang *hit* [terkenal] yang dengan P.Ramlee tu lah. Pasal orang suka P.Ramlee. jadi tak secara langsung kita pun tersuap-suap lah agak nya. Kebetulan cerita Anak Bapak tu pulak macam\_ \_ kan. Jadi tu sebenarnya kalau filem tu filem negara ada apa-apa *je* [saja], buat tapi *more* [lebih] kepada TV program. Program TV Malaysia lah. RTM la maknanya. Dulu Radio Malaysia kan. TV Malaysia, belum ada angkasapuri semua tapi *more* [lebih] kepada itu lah\_ \_ rasa lah semua tu. Mak Mah rasa macam tiga generasi jugak lah rasa. Rasanya lah, sekarang ni dunia *globalisasi*\_ kan daripada macam tu daripada tirainya. Nak berlakon, *action*, selak tirai tu dulu kan. Sampai *stage* [pentas] boleh berpusing lah. Tapi kalau dulu ingat lagi dijemput ke Singapura\_ \_ Victoria panggung pun kita buat, panggung Victoria dengan panggung apa ya dua-dua tu. \_ tengah terkenal pun\_ program\_ \_ dapat bunga banyak, bunga hidup kan. *Proud to be* ni lah kononnya. Masuk lah surat khabar tapi Mak Mah ni jenis orang nya tak *poyo* [perasan], ada aku kisah. Bila tengok bunga-bunga tu dah. Orang nya gitu sampai la tua ni. Padahal semua dah pergi semua istana dah. Iyalah, kalau orang\_ dijemput ke istana sultan nak tengok kan. Menari\_ \_ Sultan Brunei Istana\_ sampai. Tapi Mak Mah ada aku kisah semua tu, dah berlaku dah. Bila kawan-kawan cakap, baru “A’ah eh”. Disisi Allah. Dia tak *poyo* [perasan] lah, *takda* [tiada] *poyo* [perasan]. Kalau orang tak kenal sudah lah, tapi saya *more* [lebih] kepada *family* [keluarga] pada persahabatan. Dia dua, ketawa dan menangis.

- NN           **Filem pertama Mak Mah berlakon?**
- RS           Filem pertama kalau ikutkan Anak Bapak kot. Iya lah, dia terus Anak Bapak tak tahu filem tu terus keramat kot semua pelakon kan. dengan Cik Tompel Cik\_ \_ tapi tu selalu dah buat *stage* [pentas] dengan P.Ramlee dengan Saloma tu. \_ dia bagi peluang. Saya pun tak tahu\_ \_ orangnya nak berlakon yo yo ow [betul betul saja] je pakai *high heel* [kasut tinggi] tinggi-tinggi pinggang ramping tak dapat. Kita yang duduk hutan.
- NN           **Boleh tak Mak Mah ceritakan sedikit memori Mak Mah berlakon dengan Allahyarham P.Ramlee? orangnya bagaimana?**
- RS           Orangnya besarnya *takda* [tiada] orang besar dia. Dia kan gagah, kita jumpa dia dah gagah dah. Dah berumur kan, kalau masa kat *Singapore* [Singapura] tu kan kurus-kurus kan, bila sana dah tutup baru dia pergi Merdeka Studio kan. Tapi sebelum tu kat Singapore kan kita pun jumpa-jumpa jugak lah tapi bila dah kat sini Studio Merdeka baru dia buat filem kan. Orangnya dihormati, orangnya memang layak. Allah hantar dia ke dunia ni untuk orang menghormati dia, makna dia mengenalkan berbagai-bagai qada Allah lah. Saya, pengalaman besar lah pengalaman yang baik kalau untuk orang sekarang tak jumpa P.Ramlee. Tapi saya untung la berkesempatan. Tapi untuk lakukan cerita tu\_ agaknya\_ \_ macam orang *dating* [temujanji] la kononnya, cakap, kita pun malu. Agaknya karekter-karekter ni adalah dalam dia punya skill dia kan kan\_ \_ *award* [anugerah] kan. Diri saya kan ada malu-malu gitu kan. Tapi

sebenarnya malu, tapi bila dah apa ni jadi tak tahu malu. Tapi maknanya dia memang tahap disegani tapi tahap, tapi dia tahu saya boleh buat. Jadi dia bagi saya *free jugak, free acting*. Saya pun *free acting*, dia tak mengajar saya, haa dia tak mengajar saya. Nanti awak macam ni, takda. Cuma dia tahu karekter saya, kerana dari itu saya menyanyi saya punya suka lah. Aaaa *free acting* kan. Macam macam dalam kat *bathup* [tab mandi] suka hati saya lah (nyanyi) semua tu suka hati saya lah.

SA

**Kalau yang Mak Mah ada ubi ada batas tu Mak Mah sendiri lah?**

RS

A'ah [iya kan]. Kat luar. Tapi kalau *recording* [rakaman], Saloma. Kalau kat luar luar saya.

NN

**Mak Mah berlakon dengan Allahyarham P.Ramlee ni satu filem ke?**

RS

Dua, satu Gerimis tu yang kahwin tapi orang selalu jarang keluarkan Gerimis tu padahal tu tiga bangsa tu. Mula-mula memperkenalkan tiga bangsa kan. Kan dia kahwin India kan, pastu ada senget-senget.

NN

**Okay [baik], apa yang saya baca selepas filem Anak Bapak tahun 1968 dengan Allahyarham P.Ramlee, Mak Mah---**

RS

Sembilan belas enam puluh lapan [1968] eh?

NN

**A'ah [iya]. 1968. Mak Mah tak ada membintangi mana-mana filem sampai tahun 1990. Okay [baik], dalam masa tu apa yang Mak Mah buat**

**masa tu?**

RS Masa tu masa tu sebab filem tengah tak *best* [bagus]. Keadaan filem macam merudum keadaan. (gangguan) tahun tujuh puluh [70] an kan filem tengah kucar kacir sikit. P.Ramlee pun tak dapat tempat sangat. Maknanya filem Malaysia lah. Jadi kita pun ada buat tu macam Langit Tidak Selalu Cerah yang *director* [pengarah] baru-baru kan. Yang mana dia tak lah setahap itu cuba buat tapi masa tu dah masuk era-era Badul. Filem untuk orang-orang yang gah masa tu memang tak boleh buat. Memang *content* [kandungan] dia tak bagus memang masa tu orang tengah ada peralihan. Macam pop yeh yeh tu kan. Orang tak boleh bezakan mana yang bagus mana yang tak bagus.

NEH **Jadi masa tu Mak Mah tumpukan pada keluarga lah?**

RS Masa ini, tapi Mak Mah buat program-program radio lah. Banyak pada program radio, Mak Mah kan banyak pada--- program radio drama minggu inikan. Mak Mah kan sandiwara kan. Sebab itu kan dia memerlukan suara, dia tak memerlukan rupakan. (gangguan)

NN **Macam tadi kan Mak Mah sunyi sekejap selepas tahun 1968. Lepas tu apa faktor yang membuatkan Mak Mah kembali balik dalam bidang lakonan?**

RS Itulah peminat lah tu. Peminat, haa peminat. Orang RTM datang. Itu perkahwinan yang ketiga lah yang kat Keramat tu. Saya memang letakkan diri saya untuk kehidupan apa, saya saya orangnya macam tu. Kemudian industri

masa tu memang tak tentu hala. Kemudian balik semula dengan diri sendiri lah dengan kehendak *production* [produksi] lah. Dia teringat Mak Mah boleh buat itu buat ini, macam tu lah.

- NN           **Bagi pendapat Mak Mah, apa yang menarik nya menjadi seorang pelakon?**
- RS           Tergolong kepada niat jugak lah. Kalau untuk individualah untuk saya niat pertama, apa yang harus saya buat sedangkan dulu bapak saya memang didik saya dalam menda ni kan. Dia dah didik kita dalam *menda* [benda] ni, lepas tu saya memang kena keluar kan *menda* [benda] yang kita tak [tidak] tempuh kena tempuh tapi yang pertama adalah persahabatan dapat membantu tapi kalau topik utama kerana kerjaya boleh la kita letak kan kerjaya. Atas kerjaya ada apa, mesti dia ada *in between* [*di antara*] kan, dia bersama kan. Mula-mula kalau ini kerjaya saya saya kerjakan lah dari Allah kan. Kemudian kalau dah ada peminat kita dah ada menghargai kehendak peminat kan. Bila yang ketiga mungkin ada sedikit keterampilan kan. Maknanya kalau orang nak tengok bakat kita, *we do it* [kami buat] lah kan.kita buat. Yang ketiganya bila kita memang dah banyak buat, jadi kita kata kan kerja ini barangkali kerja satu kerjaya yang Allah redha dan harus dibuat. Jadi dia dah masuk *step* [langkah] *two* [dua] pulak. *Dah* [sudah] bukan nama, bukan kewangan, kalau tahap sekarang *ni* [ini], kalau nak kata duit *tu* [itu], memanglah ada penatnya, puas tu alah pada saya, saya tak berani cakap puas diri, sebab saya *tak* [tidak] boleh bagi orang puas pun. Cuma saya boleh menjalankan amanah, naskhah. Kalau

cerita itu berbentuk apa, awak amanahkan saya menjadi nenek yang *rubbish* [teruk] ke macam mana. Bila saya boleh buat mengangkat naskhah itu, saya sudah membantu andalah. Yang selebihnya *audience* [penonton] lah. Tapi keuntungan pertama adalah taulan. Peminat yang minat, dipanggil peminat lah. Kalau benci, pembencilah kan. Kalau pensuka-pensuka yang suka lakonan, orang yang suka seni. Dari kertas dilakarkan kepada lakonan, kisah benar dilakarkan kepada lakonan. So [jadi] kita ni perantaraan. Kita kena tegas dan ada pendirian. Sebab kita menyampaikan benda yang tak [tidak] ada dalam diri kita. Sebab itu jangan terlalu kontra. Kerana saya bukan pemabuk, saya bukan penghisap rokok, saya rasa saya tidak sesuai untuk ini. Memang lakonan dibuat-buat, tapi kalau dia menolak dengan kehendak hati, *tak de* [tiada] siapa yang boleh paksa. Mungkin ada orang lain yang gemar. Sebab, dalam kehidupan ada berjenis-jeniskan. Itu tadi *more* [lebih] kepada persahabatan lah. Dan untuk industri kalau saya boleh membantu dari segi akademik maknanya kalau lakonan saya boleh dijadikan modul untuk *dorang* [mereka], oh cara begini lebih selamat. Ambillah iktibar tu. Point nya adalah disiplin, baca skrip dengan betul, hormati naskhah orang, hormati penulis, hormati director, macam tu *je* [sahaja] lah saya.

- NN : Okay [baik], macam masa Mak Mah nak berlakonkan Mak Mah, mesti gemuruhkan, macam mana Mak Mah nak atasi masalah gemuruh tu?
- RS : Saya orang yang suka berdoa. Ialah orang jawa, sikit-sikit (menggayakan perbuatan berdoa) sikit-sikit (menggayakan perbuatan berdoa). Jadi memang

suka doa. Kalau nak buat kerja esok, saya berdoa dari sekarang. Misal kata kita ada satu cerita bagus yang terbaru ni Arca Cinta Kekasih, (nama pengarah). Dia kan diantara panel-panel yang orangnya kerja macam P.Ramlee. Jadi doa yang paling ringkas pun, “Ya Allah, permudahkanlah urusan kerja aku, jadikan aku cendekia, mudahkan kerja orang lain, dan berikan aku sesuatu yang baik kan”, Amin Ya Robbal Alamin. “Kau la tempat aku berlindung dan meminta” *takdelah* [tidak lah] aku cakap “hei aku dah lama berlakonlah, aku taulah”, kita tak pakai *words* [perkataaan] *tu* [itu]. Kita pakai Allah jugak.

NN : **Okay [baik] Mak Mah, ada tak [tidak] perbezaan berlakon bawah produksi yang berbeza?**

RS : Berbeza-beza lah memang.

NN : **Dari segi apa?**

RS : Kalau kena yang cincai-cincai [ala kadar] *tu*, dia duduk kat *monitor*, [skrin] *director* *tu* [itu] cakap “okay action”. Kalau ada yang suka menjerit, dia menjerit. Dia suka marah orang dari jauh. Kalau macam Mak Mah sekarang kalau *director* menjerit, Mak Mah ikut menjerit. Menyampaikan macam bilal (ketawa). Ha kalau dia cakap “Kamu! “ Dia bangun. Lepas tu Mak Mah bangun, ”Eh! Nenek dah cakap tadikan, betul tak nenek cakap”, ha macam tu lah. Kalau dia dah asyik baca skrip je, Okay *read* [baca] bawak skrip, nenek dah *amek* [ambil] *dah* [sudah] letak. Okay. “Action”. Selagi kita tengok skrip, kita tidak ada keinginan untuk daya mengingat. Kau nak membaca, kau dah

tau benda tu [itu] *tak* [tidak] boleh dibaca. Apabila nanti kau nak membaca “yelah mak semalam memang saya pergi rumah makcik tapi saya *tak* [tidak] dapat ini *pastu* [lepas itu] ada koma kemudian saya pergi rumah maklong tu adakah begitu”. (Mak Mah menggayakan lakonan tanpa intonasi) . Itu sebab beruntung bila kita dah selalu buat *recording* [rakaman] radio semua sebab ia *tak* [tidak] memerlukan wajah. Dia memerlukan intonasi, hafazan, kecekapan untuk memandang dialog, mana koma mana noktah. Mana yang itu kan, *tak* [tidak] semua orang boleh buat drama radio. Sebab drama radio orang yang kita *tak* [tidak] kenal pun nama-nama itu, tapi mempunyai intonasi yang baik. Sebab pada saya, intonasi untuk drama radio adalah penting untuk ke layar besar. Bukan awak terus cantik *pastu* [selepas itu] awak berlakon dekat--- jadi orang cantik tu belum tentu awak dapat lapan puluh per seratus [80] pada saya. Kan ada pelakon *tak* [tidak] boleh lekat dekat hati kita kan? Pelakon mudalah Mak Mah tengok. “Budak ni *dah* [sudah] lama aku tengok kau, tapi aku *tak* [tidak] boleh sangkut langsung”, *tak* [tidak] boleh sangkut kata nak ingat terus nak duduk.

- SA : Kadang kita penonton pun kita boleh tu--- cakap bila tengok yang muda muda sekarang---
- RS : Kan? Orang boleh pertikai. Satu hari Mak Mah *shooting* [pengambaran] kat Kuantan dengan RTM [Radio Televisyen Malaysia], semua orang tua tua tau, ada satu drama petang tu, cerita petang tu, dia yang komen tau, “cerita ni *tak* [tidak] bagus lah Mak Mah, dia punya plot cerita dia *tu* [itu] macam lambat”.

Oh! *Audience* [penonton] tu [itu].” Dia, alah pelakon pun ni dia punya tarik dia takda [tidak ada] *attraction* [tarikan] lah dia ni. Hero ni dia *tak* [tidak] boleh tarik hati kita untuk ha---” Tengok! Orang tua biasa tu!

SA : Yelah, Macam saya lah Mak Mah, awal- awal saya dah cakap “ha ni *tak* [tidak] boleh”. Pasal kadang-kadang dia punya cakap--- Intonasi dia tau, macam kita, kalau garang ke kelakar ke biar semula jadi tapi dia ni macam buat-buat memang saya *tak* [tidak] boleh masuk (tidak serasi) la.

RS : Kalau *tak* [tidak] boleh masuk (tidak serasi) , kita *tak* [tidak] boleh nak cinta dia kan? Kenapa Fathia kita boleh ingat? Sebab Fathia yang jadi *tomboy* tu pun nampaklah *acting* [lakonan] dia. Habis *tu* [itu] yang dengan yang garang tu, Mr Arrogant (tajuk cerita), itu pun nampak jugak *acting* [lakonan] dia.

NN : **Azlee Khairi?**

RS : Azlee Khairi yang menangkan? Dia memang layak menang.

SA : Kalau pada saya, (nama pelakon) tak boleh [tidak bagus dalam lakonan]. Saya *tak* [tidak] suka. Memang, walaupun dia saudara suami saya Tapi memang *tak* boleh masuk [tidak serasi]

RS : Yang hidung mancung? Saya baru berlakon dengan dia. Dia jadi doktor. Dia dah gemuk.

SA : Ha'ah, dia *dah* [sudah] gemuk, *dah* [sudah] berisi. Rumah dia dekat situ.

RS Dia dulu buat dengan TV7 dengan saya semua.

SA : *Kitorang* [kami] panggil dia (nama pelakon) sebab masa dia berlakon spa Q tu.

RS : Oh! Budak lelaki tu. Dia ada satu ketika, orang nak character yang *soft* [lembut], *selamber* [bersahaja], bolehla.

SA : Dia manja-manja boleh, tapi macam garang *tak* [tidak] boleh.

RS Bila dia bawa watak yang agak berat, dia *tak* [tidak] boleh. Nampak dia punya *drop* [jatuh] *tu* [itu]. Khairi tu kan dengan Fathia tu, padahal dia baru *jugak* [juga] kan. Habis *tu* [itu] dulu, siapa ya yang dengan *boyfriend* [teman lelaki] Fathia sekarang ni.

SA : Aiman?

RS : Aiman. Mula-mula dia berlakon dengan nenek lah. Dia ni dengan tinggi dengan *hensemnya* [kacak], putih. Aiman bawa teman wanita dia. Teman wanitanya bertanyakan kepada Mak Mah, pendapat tentang hubungannya dengan Aiman. "Oh kita kena bersedialah, dah berani main kat padang". Mak Mah tanya mengapa "Saya kawan perempuan dia" (gadis itu menjawab) "Oh kalau begitu, banyak benda yang dia nak langkau ni" (Mak Mah menjawab). Tapi memang betul dia *tak* [tidak] boleh. Dia kena *love somebody* [menyayangi seseorang] dulu. Itu satu contoh-contoh juga kalau baru berlakon, bawa *boyfriend* [teman lelak], bawa tunang, *girlfriend* [teman wanita] ke set

penganbaran. Hancur memang hancur.

- NN           **Lama dah [sudah] cari Mak Mah.**
- RS           Ha yelah. Tapi hari tu ada pelajar cari nak buat yang *short filem* [filem pendek]. Mereka dapat Anugerah Terbaik. *Dorang* [mereka] cakap “Mak Mah! kita menang!”. “Oh ya?” Mak Mah pun dapat anugerah dari UiTM [Universiti Teknologi MARA]. Ha’ah dapat anugerah sebab kita banyak membantu student [pelajar]. Okay, lagi?
- NN           **Okay, Mak Mah ada tak [tidak] menghadiri kelas lakonan sekarang?**
- RS           : Sekarang tidak, tapi pada tahun yang Mak Mah cakap yang ada kursus pada tahun tu, yang tu *first thinglah* [pertama kali]. Bermula pada tu, kerana wakil kampung. Wakil jajahan kena hantar orang pergi kursus kan, Mak Mah ambil bahagian masakan, entah macam mana, biasalah Mak Mah dia bagi seni lakon, seni lukis, macam tu lah. Makananya ada *basic* [asas] bukan bodooh-bodooh suka hati saja. Bapak kita tadi tu. Ha, ni. Nampak ni ibu jari ni (ambil menunjukkan tapak tangan). Akak saya ni tahu lah (ambil menunjuk kearah kakaknya)

## TAMAT BAHAGIAN 2

### **BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA**

NN : **Mak Mah kita beralih kepada pengalaman pulak.**

RS : *Its okay [baik].*

NN : **Usia berapa Mak Mah mula berlakon?**

RS : Usia? Memang daripada anak dara seterusnya. Kecil-kecil umur lima belas [15] tahun itu kan di suruh, bapak kita bagi skrip, kita disuruh berlakon, kena sepak lah, mak tirilah apalah. Tapi berlakon untuk ke TV dan radio, masa anak dara tu lah. Dua puluh satu [21], tujuh belas tahun [17] dah pandai cari duit dalam TV dah. Dah rasa duit TV lah, dah dapat cek dah. Gaji nya dulu kan enam puluh dua ringgit [RM62] satu episod.

NN : **Tapi masa tu besar.**

RS : Enam puluh dua ringgit [RM62] boleh beli gelang emas (ketawa)

NN : **Okay, pengarah yang Mak Mah suka bekerjasama?**

RS : Banyak jugak. Tapi yang macam sekarang ni, yang hebat-hebat macam Rashid Sibir, Murali. Banyak jugak la. Ha yang tu, Osman Ali. Itu orang-orang macam tu [itu] orang yang simpan kreativiti dia tau. Macam Rosham Nor *more* [lebih] kepada kualiti. Kan ada yang *director*, buat jelah kita bukan nak masuk itu pun (dapat anugerah).

Mak Mah kan pernah bekerjasama dengan *director* cina. Satu malam dua puluh dua [20] *scene* [babak], dia bantai habis. “Kita bukan mau angkat itu Oscar ma!” Yelah, kau *tak* [tidak] payah lah nak *create* [buat] sangat *lighting* [lampu] macam ni. Dia *more* [lebih] kepada *business* [perniagaan]. Nak cari duit. Nak cepat siap. Jadi, bila digasak macam tu, *script* ni kita kena *punch* [tekankan]. Sebab apa? Habis skrip, ni tujuh belas [17] *next* [kemudian], dua belas [12], lapan belas [18] *next*. Belum makan tengahari kita sekurang-kurangnya lima [5] *scene* kena siap. Tu [itu] kalau *director* cina. So [jadi] kalau kerja dengan cina, *tak* [tidak] boleh bodoh. Kalau bodoh, cina tu dia hempas skrip tu, “hei saya makan babi wo, saya pun boleh keluar air mata wo, lu orang Islam lu tak boleh nangis ke”. Dia kata dia yang makan babi yang tidak guna, yang keras hati pun boleh keluar air mata. Ini kau perempuan jadi perempuan, kau jadi kakak jadi mak adik ni dapat apa- apa. Belum apa-apa dia hempas skrip. Ha cina Hong Kong tu. Jadi kononnya saya ni, boleh diterima *director* cina. Sebab saya dah tua masa tu dah lima puluh [50] lebih. Tapi masa tu saya *takde* [tidak ada] *sorry* [maaf], dalam *scene* ni, alamat lupa. Kadang-kadang saya boleh cakap “*tape seven*”. Masin mulut ni. Bukanlah kita pandai, tapi kita *dah* [sudah] agak, kalau macam ni lah kau asyik lupa je. Ada dulu budak Singapura. Asyik cakap *sorry* [maaf]. “Adik sekejap duduk, adik kenapa ha?” (Mak Mah bertanya) “Lupa lah” (budak itu menjawab). Sebab daripada bukak muka surat tu *dah* [sudah] *tak* [tidak] bismillah, *tak* [tidak] selawat, *tak* [tidak] tengok betul-betul tulisan tu. Kita boleh bayangkan kita bercakap macam kita baca Quran lah. Kita kan dah boleh bayangkan. Alif zal alif alif

kaf alif lam lam, macam *tu* [itu] jugak baca skrip sebab kau *tak* [tidak] thomaninah. Kau pegang skrip *tak* [tidak] displin. Tengok sikit dah. *Pastu* [lepas itu] main telefon dah. Ah boringlah kau (ketawa). Displin berlakon kena ada. Maknanya displin bukan datang tepat waktu bukan, displin penghayatan. Awak nak berlakon dengan saya, duduk kat sana main telefon. Ni nanti nak jadi anak ke jadi apa, nak bertegang leher ke, nak menangis-nangis keluar air mata. Ni nak masuk *scene* baru nak (menggayakan baca skrip). *Tak* [tidak] aku tunjal dia kat situ (ketawa).

- NN : ***Okay* [baik] Mak Mah, ceritakan sedikit pengalaman manis dan pahit serta cabaran yang Mak Mah hadapi sepanjang berkecimpung dalam bidang seni?**
- RS : Oh cabaran dari keluarga ada, dari suami ada yang komander tu. “Ada aku kisah?” dia tau balik je. Dia pergi kata apa, “kau pergi dua tangan dua kaki kan?, aku tau kau balik kau ada, kalau tidak ada, *up to you* [suka hati]”. Kalau tiada kau punya pasal. Jadi kita sendiri, kita mahu ingatkan. Jadi, itu *je* [sahaja] ucapannya. Dia suka kalau Mak Mah menang itu menang ini dia selalu cakap tahniah. Tapi cabarannya anak demam kena pergi, suami sakit kan- - - Combat masa itu dah\_ tau. Tapi kena cakap jugak dengan Allah. Kena pergi gantikan orang kena jaga tengok. Sebab kerja ni tidak boleh diganti orang. Kalau kerja lain, “eh aku tak boleh kau tolong buatkan kerja aku ni”. “Kau basuhkan ni, kau jahitkan ini. Aku ada hal”. Mungkin boleh diganti. Masa bapak kita meninggal, masa tu kita buat dekat Tasik Pedu. Tasik Pedu kan tasik kena naik

bot, naik kapal terbang baru balik. Itulah korban kita. Jadi itulah cabaran-cabarannya iaitu disiplin masa.

NN : **Mak Mah pernah tak [tidak] berhadapan dengan peminat yang terlalu fanatik yang jerit Mak Mah, tunggu depan rumah ke, ikut naik kereta.**

RS : Ada. Yang mengaku anak tidak habis-habis tunjuk muka takut pun ada. Dah sampai rumah nak masuk rumah, patah balik. Kena marah Mak Mah. Tapi yang selalu pastilah, dekat mana-mana dekat tepi tandas, dekat masjid, bilik mayat pun nak ambil gambar. Pukul dua pagi, satu malam dekat pasar borong tempat ikan tempat daging, tengah memilih, Mak Mah cakap adik agak-agaklah dik (ketawa). Dia cakap tak apa. Jadi Mak Mah menang kepada persahabatan lah. Menghargai sangat peminat masih suka--- Dia kata Mak Mah untung, nanti masa Mak Mah meninggal, insyallah orang yang sayang Mak Mah semua doakan Mak Mah. Mak senang nanti. Ada satu orang tu, nama dia pun sedap panjang nama dia. Dia kata muka Mak ni ada mirip-mirip kakak dia yang dah meninggal. Ya Alhamdulillah. Ada yang tahu perangai, cakap jelah perangai buruk kita ke apa ke. Lagi?

NN : **Tips dan panduan untuk anak muda yang ingin berkecimpung dalam bidang seni yang boleh bertahan lama lah.**

RS : Oh yang boleh bertahan lama yang macam Mak Mah cakap tu lah. Niat bekerja untuk apa. Kalau memang kau nak mengenalkan diri memang kau ada kebolehan, *we do It* [kita lakukan]. Awak bagus. Kalau untuk *mentel-mentel*

*aje* [sahaja], untuk tengok kat majalah, dikhuatiri tidak selamat. Kalau awak cuma suka-suka, awak dikhuatiri tidak bertahan. Tapi kalau awak benar-benar bahawa ini adalah industri dalam bidang lakonan, imej negara, jadi, kena buat sungguh-sungguh lah. Dan kalau memang awak ada kebolehan awak tunjuklah. Kalau tak, awak simpan, *director* [pengarah] tidak tahu. Dan bagilah persembahan terbaik, baru bila orang lain dapat tahu awak boleh, *so* [jadi] *somebody* [orang] akan tahu awak boleh. Dari awal *tak* [tidak] boleh buat, macam mana orang nak bagi awak naskah yang lebih besar.

- NN : **Mak Mah, fesyen yang Mak Mah minat tahun 60 an dulu?**
- RS : Mak Mah jenis yang menggemari fesyen orangnya. Macam *diorangla* [mereka], rambut, kebaya, kain belah. Maklumlah orang yang suka masuk ratu-ratu kan. Baju V. Rasanya apa yang budak-budak pakai fesyen sekarang ni Mak Mah dah pakai. Cuma tak pakailah baju mandi tu, tapi kalau *free loose* [longgar] itu kalau dekat *stage* [pentas], tapi orang *tak* [tidak] dapat mendekati kita kan. Tapi antara kita dengan Allah tu semoga Allah mengampuni dosa kita. Itu aje la. Memang pakailah, tapi untuk *stage* [pentas], saja tidak jumpa dengan orang. Bila dah turun *stage* [pentas], dah *coverlah* [tutup]. Itu maknanya imej di atas *stage* [pentas]. Imej diluar saya jagalah. Fesyen dulu kebaya, tapi saya orang nya memang *tak* [tidak] pakai *jeans*, selain daripada *jeans* tu jin punya (ketawa). Saya memang *tak* [tidak] pakai. *Tak* [tidak] cantik. Seluar-seluar panjang tu saya *tak* [tidak]. Macam dah tua sekarang kan, jubah, baju kurung, baju kebaya. Kalau dipaksa pakai *jeans* dangan baju *tight*

[ketat] masuk dalam, bila pakai tu, kalau kata, “kalau awak pakai tu, awak dapat seribu”. Saya tidak ambil seribu tu. Saya *more* [lebih] kepada akhlak sendiri lah. Bukanlah takbur. Dulukan, ada disuruh pakai rambut kuning, awak kenapa tak cakap terus terang. Saya tak nak ambil gaji ni lah. Cuma saya kesihankan awak. Awak kena buat *shoot* tu. Bila dah hujung awak bagitahu. *Tak* [tidak] ada nilai tau. Bukan nilai tu. Akhlak saya tu. Saya banyak berpegang kepada akhlak saya. Janganlah dikata *poyo* [perasan], dah memang itu saya.

NN : **Mak Mah, filem yang memberi kesan keatas diri Mak Mah?**

RS : Dah orang kata, P.Ramlee tu berkesan, Mak Mah ingatlah kesan-kesan tu kan. Tapi, filem kan banyak, macam yang sekarang ni, Jangan Pandang Belakang. Yang betul-betul *hit* [terkenal]. Itu dulu pun *dorang* [mereka] *tak* [tidak] tahu saya boleh berlakon. David Teo kan, lebih kepada filem\_ \_\_. Sekali dia buat filem *horror* [seram] tu kan, lama orang tidak buat pontianak, filem hantu. Sekali keluar filem tu, kutipan berjuta-juta. Dia pun *tak* [tidak] tahu “siapa itu orang tua”? “Dia cakap ini woo”. Idham cakap.

SA : **Yang saya ingat filem yang dengan Pierre Andre tu.**

RS : Yalah, Jangan Pandang Belakang lah. Habis tu semalam, filem-filem dia tidak laku dalam lima ratus ribu [RM500.00]. Jangan Pandang Belakang Boleh tu pun, mencecah juta jugak lah walaupun *tak* [tidak] sampai empat juta [RM4 000000]. Tapi dia kata *okaylah*. Maknanya dia *tak* [tidak] *drop* [merundum] ,

sebab kan pelakon baru yang banyakkan. Mak Mah cakap “eh apasal ni Mak Mah sorang je, eh kau orang ni main laut dalam ni”. Gandingan kadang-kadang penting untuk *score* [mencapai target] lah. Bukan kita sendiri nak mengangkat naskhah tu. Mak Mah seorang-seorang. Bukan tak *gerenti* [pasti], kita *confident* [yakin] diri kita. Tapi kalau orang ni bantu lapan puluh peratus [80], yang ni tujuh puluh [70], Mak Mah *full strength* [sepenuhnya]. Terangkatlah dia kan, ha macam tu lah. Sebab dalam lakonan kita kena target, kita boleh *score* [mencapai target] berapa dalam cerita ini. Kalau Mak Mah la, walaupun tidak berapa baik, tapi ada target la.

- NN : Okay Mak Mah, persediaan Mak Mah masa dapat skrip tu? Berapa hari Mak Mah ambil masa nak baca nak hafal untuk skrip tu?
- RS : Kalau dulu-dulu dapat skrip je Mak Mah terus duduk, “Bismillahirrahmanirrahim. Kuatkan ingatanku”. Selalu orang soalkan. Macam mana Mak Mah boleh ingat. Berdoalah. Engkau bismillah tidak. Dah Bismillah? “Ha dah takda Bismillah macam mana nak ingat”. Yang bagi mengingat kan Allah. Baca skrip, ada Hafsyam pun cakap, jangan sia-siakan penulisan orang. Orang keluarkan dengan kepala otak. Masa tu Mak Mah tengah banyak hal. *Two plus one* kan. Banyak hal yang serabut, banyak yang tertinggal-tinggal. Nangis la kan. Dah tua pun nangis (ketawa). Tapi macam cerita yang baru tu apa. Cerita yang menang Anugerah Skrin tu, cerita Parit Jawa. Cerita Parit Jawa kan orang sukakan.

- NN : Mak Mah pernah tak ditawarkan menjadi duta atau tawaran untuk iklan?
- RS : Polident, Sendayu Tinggi, Monorail, lagi apa lagi benda-benda itu lah. *Tak* [tidak] ingatlah. Yang kecil-kecil tu adalah. Ha tu Jamu Dara lah. Yang kahwin muda tu kan. Kita ingat yang *payment* [bayaran] baguslah. Yang *tak* [tidak] bagus *tak* [tidak] payah ingat (ketawa)
- NN : Berapa kalikah Mak Mah tercalon dalam anugerah, dan secara peribadi apakah penghargaan terbesar yang Mak Mah pernah peroleh?
- RS : Pelakon Wanita Terbaik kan ada kan, Pembantu Wanita Terbaik, veteran, Anugerah Skrin tu apa entah. Adalah dalam berapa entah. Lepas itu ada pingat lain macam pingat jasamu di kenang dari RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Macam daripada UIA [Universiti Islam Antarabangsa] dulu dapat pasal kita *more* [lebih] kepada islamik. Anugerah Berita Harian. Daripada kampung. Anak kampung yang berjaya. (ketawa). Lepas itu, Anugerah Seni negeri Selangor. Macam tu lah. Yang lain tu *student* [pelajar] lah, bagi penghargaan yang entah apa-apa [ketawa]. *Short filem* [filem pendek].

- NN : **Perasaan Mak Mah menerima anugerah dan adakah anugerah itu dapat memotivasiikan Mak Mah?**
- RS : *Yes [ya]. Kita teringatlah apa juu bila kita ada kesungguhan maknanya orang menilai kerja kita. Waimah, dia buat karipap, dia suka buat karipap, jaga kualiti karipap lama-lama orang tempah banyak. Bila tempah banyak, dipertandingkan. "Karipap terbaik"! Ha macam itu lah *example* nya [contoh]. Jadi maknanya, berterima kasih kerana walaupun setua ini seusia ini, walaupun lakonannya tidaklah banyak memenuhi ruang-ruang tapi rupanya orang pandang juga. Jadi terima kasihlah untuk anugerah itu. Kalau ini dijadikan motivasi untuk orang *dorang* [mereka] maknanya macam mana Mak Mah boleh bekerja dengan bersungguh-sungguh, jadi bekerjalah bersungguh-sungguh. Itu semua dari Allah. Dan maknanya orang yang suka dalam bidang yang perlukan hiburan, yang perlukan nasihat, motivasi itulah lakonan yang kita sampaikan dalam lakonan. *But* [tapi] kita mentalbiah *diorang* [mereka] dan kita berdakwah melalui lakonan kita. Mak Mah bukan nak duit, nak *mentel-mentel* [gedik], supaya orang nampak. "Eh Mak Mah!" Bukan. Selalu saya ingat, ampunkan lah dosa-dosaku Ya Allah. Dan andainya aku pergi esok pun, pohonkan semua peminat mendoakan, semoga apa yang Mak Mah buat ni Allah redha.*
- NN : **Okay Mak Mah, Berapa tahun kebelakangan ni Mak Mah selalu mendapat watak seram, adakah Mak Mah memang memilih nak watak cerita seram dan hantu ni?**

RS : Tidak. *Diorang* [mereka] yang tengok muka Mak Mah seram (ketawa). *Tak* [tidak] tahu diorang nak *try* [cuba]. *Company* [syarikat] ni nak *try* [cuba]. Kubur berasaplah, itu lah, ini lah. Kalau kau jadikan siapa pun jadi hantu, mesti jadilah. Bukan mesti Mak Mah jadi hantu, si polan tu kalau kau bagi peluang pun, tapi *tak* [tidak] tahulah kalau dia *taknak* [tidak mahu] di *make up* [solek] ataupun dia *tak* [tidak] boleh bawa karekter tu ke kan. Sebab itu kehendak *director* [pengarah] *tu* [Itu] kan. Habis *director* cakap “cari Mak Mah sampai jumpa”. Habis itu kena lah cari sampai jumpa. Jadi, saya menerima tawaran tu, “awak betul-betul nak jadikan saya?” (Mak Mah bertanya). *We do It* [kita lakukan]. Maknanya saya bekerjasamalah, macam baru-baru ni, mereka tanya, Mak Mah nak mati biasa ke, Mak Mah nak mati lain”. (Mak Mah berfikir) “Oh ada pilihan” (ketawa). “Rasanya hari ini saya tak nak mati biasa, saya nak mati tiga tangga saya jatuh kebawah”. *We try, I do* [saya buat]. Okay, *be careful* [hati-hati] Mak Mah. Tapi, bila balik, “apasal ketaq leher aku ni” (ketawa). Macam Erma [Erma Fatima], dia mesti suruh cari Mak Mah sampai dapat. Ha macam yang terkenal tu, yang cantik (ambil berfikir) Neelofa. Dia mula-mula berlakon, lepas tu Rozita Che Wan. Dia nak nenek ni yang sesuai ni. Baik, beri nasihat. Cari sampai jumpa. Alamak *director* cakap cari sampai jumpa. Lagi sorang, Murali ni kan dia selalu bagi saya naskhah. Dia bagi Mak Mah *create* [cipta]. Dia cakap “Saya tahu awak boleh buat. Saya ada kepercayaan dah”. *So* [jadi], saya buatlah.

NN : **Susah tak [tidak] Mak Mah nak menjiwai watak seram? Ada sebarang gangguan?**

RS : Oh dah sembahyang, dah baca Quran, dah tasbih habis-habis, “kau nak terajang aku, aku terajang kau dulu”. Tapi masa pergi Mekah, di ikut juga naik kapal terbang. Sampai Masjidil Haram *tak* [tidak] mengantuk, masa dekat masa Masjid Nabawi. Pegang Quran je, terus ngantuk. Eh, ni bukan aku ni, aku suka nak khatam kat sini. Masuk bilik mandi, baca yang kita tahu la kan. Baca ayat qursi. Macam orang halau *setan* [hantu]. “Argh! Oh rupanya engkau nak *try* [cuba]!” Baca doa. Yang kat luar tu, anak cucu yang ikut kan *dorang* cakap, “eh nenek cakap sorang-sorang (ketawa). Eh lepas dari tu elok. “Oh! kau ikut naik MAS [Malaysia Airlines].” (ketawa). *Tak* [tidak] nak naik bas. Habis dah berapa tahun jadi hantu. Dalam Jangan Pandang Belakang *dorang* [mereka] cakap dia ni rasa macam dah ada mengikut, macam elok *je* (ketawa) . Hantu nya pula macam Congkak kan, Congkak pun MIG [Metrowealth International Group] cukup gerun dengan cerita tu. Dah bukan dia dah ni (ketawa).

NN : **Siapa artis muda yang Mak Mah nak berlakon, yang Mak Mah suka lah?**

RS : Diantaranya Fathia, sebab dia baru jadi juarakan. Fasha dah rasa. Ada juga yang belum rasa siapa ni, ha tu teringin siapa tu yang dengan Remy [Remy Ishak].

- NN : **Oh Izara?**
- RS : Bukan. Izara dah. Nak tengok macam mana dia punya *pose* [gaya]. Ni (nama pelakon) nampak macam yo yo ow [betul betul saja] (ketawa)
- NN : **Okay Mak Mah, Macam mana Mak Mah beri kelainan setiap watak tu? Takkan dalam hantu semua sama je kan?**
- RS : *Tak* [tidak], walaupun anda tengok sama, tapi pada saya berlakon pakai idea. Maknanya pakai mental lah. Saya datang membawa diri saya dan mentaliti. Jadi kita ikut naskhah. Tapi kadang-kadang *diorang* [mereka] cakap hantunya lembut lah Mak Mah ni. Hantu tapi lembut. Nangis la. Bukan hantu yang menyeramkan.
- NN : **Perbezaan masa Mak Mah baru berlakon dengan sekarang? *Confident* [keyakinan] ke?**
- RS : Matang sikit kot. Ibarat buah macam dah nak gugur je nampak. Dah masak dah, kalau boleh buat benih, kalau *tak* [tidak] biarlah dia layu dari pokok, kalau dia gugur nanti jadilah benih. Kalau tanah *tak* [tidak] keras. Itulah ibaratnya. Kalau *tak* [tidak], dia gugur macam tu jelah. Sebab hidup ni semua sementara.
- NN : **Perbezaan pelakon dulu dan sekarang?**
- RS : Kesungguhan lah agaknya, kalau kita tengok kalau dengar bercakap orang tua bercakap macam Aziz Satar, Momok Latiff semua macam sampai sekarang dia punya sungguh-sungguh tu ada walaupun dah bertongkat jadi mustahil dulu

dia *tak* [tidak] bersungguh-sungguh dulu. Bila di bagi peluang tu, dia nak tunjuk sehabis baik. Sebab peluang dulu susah nak dapat. Macam sekarang, kau *tak* [tidak] dapat sini aku pergi sini. Tapi muka dijual untuk dijadikan duit bukan mudah. Bukan mudah muka kita untuk dijadikan duit. Kalau cerita kita bayar duit dengan awak, aku dah tentu dapat duit balik. Tapi kalau filem, kena jual. Laku *tak* [tidak] muka ni dijual? Orang datang menonton *tak* [tidak]? Tapi yang telah sudah, muka ni pernahlah melakukan panggung. Pernahlah, orang beli tiket nak tengok muka kita kan. Macam Jangan Pandang Belakang tu, ada satu orang tu tengok sampai empat [4] kali, siapa suruh? Rupanya dia nak tengok nenek tu keluar. Semata-mata. Dekat Kuala Lumpur ni *tak* [tidak] hairan. Kalau kat kampung *dorang* [mereka] wah! Kat panggung wo... nenek keluar dia seronok. Entah kenapa dia seronok. Mak pernah tengok lah. Kau tengok tak filem Kolumpo?" Yang terbaru ni Mak Mah buat Kolumpo. Dibuat untuk festival. Lepas tu ada lagi satu masuk festival juga. Tengok lah, tapi tu ikut nasiblah. Itu terpulang kepada penonton. Kalau dulu Mak Mah, "apa ni dipertandingkan ni, tapi sekarang *carry on* [teruskan]!." Lawan. Lawan tetap lawan. Tidak kira menang kalah lawan tetap lawan sebab aku masih ada usia kan, masih ada kudrat.

NN : Perbezaan kualiti filem dulu dan sekarang?

RS : Orang asyik cakap dulu lebih baik, jadi daya mengingat perlu ada banyak memang dalam tu lah. Komitmen kerja, idea pengarah, cerita kemasyarakatan, jangan cerita korporat saja, sebab orang *tak* [tidak] korporat. Cerita rakyat.

Macam cerita Jangan Pandang belakang tu cerita rakyat. Cerita apa tu, yang menang pun cerita rakyat. Jadi kita kena berpijak dibumi yang nyata. Sebab *ta*k [tidak] pegang duit juta pun dia kata *I* [saya] dah dapat duit banyak, padahal duit gaji berlakon tu baru berapa.

NN : **Pernah tidak belum lagi dapat watak yang Mak Mah belum dapat?**

RS : Cukup-cukuplah tu jebat. Boleh lah. Inang-inang sudah. Nenek-nenek kebayan sudah, dikapan pun sudah, masuk dalam kubur sudah. Masuk terbang hilang di makan hantu pun sudah. Berpada-padalah jebat. Cuma nak jadi datin yang tu memang bukan saya.

NN : **Mak Mah memang *taknak* [tidak mahu] bawa watak yang mewah?**

RS : Saya tidak sesuai. Kehidupan saya. Jatuh *title* [pangkat] tu. Bersusah payah dia belajar kat luar negeri. Jadi seorang isteri Dato, tiba-tiba kita nak jadi Datin, memperendah-rendahkan *title* [pangkat] orang. Itu kan kurniaan.

NN : **Mak Mah puas hati tak dengan apa yang Mak Mah dah capai?**

RS : Cukup la rasanya. Alhamdulillah. Tidak puas hati pun dah tua kan *impossible* [mustahil] lah kita nak muda balik kan. Tapi bukanlah muda bererti baik, tua bererti tak baik. Ada nikmat masing-masing.

NN : **Berapakah jumlah, kalau Mak Mah tidak kisah la, berapa bayaran yang diperolehi di awal pembabitan?**

RS : Kalau episod dulu enam puluh dua ringgit [RM62] satu episod. Kalau radio empat puluh lima [RM45], kalau filem empat ribu [RM4,000], satu filem. Tapi kalau sekarang *diorang* [mereka] sudah enam puluh ribu [RM60,000], Fasha Sandha semua tu, kau ingat gaji dia kecil. Kalau episod sekarang satu episod dah dua ribu [RM2,000], tiga ribu [RM3,000]. Kalau kau nak, kau ambil, kalau *tak* [tidak], *tak* [tidak]. Habis stesen nak.

NN : **Berapa purata bayaran Mak Mah dapat sekarang?**

RS : Purata. *Thousand* [seribu] Sekarang paling busuk [rendah] dalam lapan ratus [RM800] tu konon kita da--- token dah ada--- macam hadiah la tu. Tapi pun kadang produksi *tak* [tidak] ada duit, baru belajar. Jadi Mak Mah bagi angkalah. Satu [1] lapan [8] tujuh [7] kau pilih la mana satu. Mesti dia pilih tujuh ratus [RM700] kan. Tapi kalau Mak Mah *taknak* [tidak mahu]? Tapi kalau kau bagi gaji Mak Mah sekian, engkau nak bagi gaji orang-orang baru tu berapa. Dengan teksi, dengan *make up* [alat solek], baju. Kalau gaji Mak Mah kau betulkan, mesti akan terbetul gaji budak baru. Tapi jangan pulak budak baru macam (nama pelakon) satu episod tiga ribu [RM3,000], dengan Mak Mah kau bagi lima ratus [RM500]. Kau jumpa Allah la nanti

NN : **Mak Mah, pernah tidak rasa putus asa?**

RS : Sekarang ni belum lagi lah. Putus asa Allah tidak suka. Allah tidak suka orang berputus asa. Jadi apa pun dari Allah dan kehendak dia. Kalau ditakdirkan tidak, tidak. Kalau iya, iya. Mak Mah macam tu. Tapi kalau sudah pandai

penat, sudah tidak sesuai main dengan api, dengan *lighting* [lampu], *director* cakap lain Mak Mah buat lain. Itu patut bersaralah. Tapi kalau masih faham, *we do it* [Kita buat] lah.

NN : **Mak Mah pernah tak dikaitkan dengan gosip-gosip?**

RS : Sebab Mak Mah tidak laris di pasaran *maybe* [mungkin]. Tidak ada lah. *Dorang* [mereka] pun tidak berani lah, sebab saya tidak main laut dalam. Saya main persisiran pantai. Pakai pukat biasa. *Dorang* [mereka] pakai pukat tunda. Masuk laut dalam, jadi gossip dia pun---

SA : Macam Mak Mah memang berbakat. Macam ada orang ni, yang gossip ni dia lagi gossip lagi popular. Saya rasa la, kita pun orang lama kan. Kita pun tengok yang sekarang ni kan, kebanyakannya lakonan dia tidak berapa tapi kenapa dia popular, sebab tulah, dia lebih kepada gossip.

RS : Mak Mah pulak, kat luar tidak cantik *takpe* [tidak mengapa], kat *monitor* [skrin] itu kena betul. Kalau kat luar kau bergedik tidak tentu arah, masuk *monitor* [skrin] suruh buang kening, buang make up [solekan], untuk jadi dalam karekter *taknak* [tidak mahu]. Terus muka berubah, taruk juga *eye shadow* [pembayang mata], *taruk* [pakai] jugak *make up* [alat solek]. Ha itu awak bukan nak berlakon, itu awak nak masuk ratu cantik.

NN : **Pernah tak [tidak] Mak Mah tak dapat melakonkan watak yang pengarah nak?**

RS : Kita *tak* [tidak] faham *direction* [arah]. Pernahlah Mak Mah ingat, dia selalu buat iklan. Jadi kita pun macam *first time* [pertama kali], dia *first time* [pertama kali], dengan kita, kita pun *first time* [pertama kali], dengan dia. Dia menyampaikan salah naskhah, tapi dia tanya lah “boleh tak buat yang---” (Mak mah bertanyakan pendapat) *So* [jadi] kalau dia kata,” okay Mak Mah”. kalau *tak okay* [tidak bagus], kita tanya lah dia, sebab kita karang orang suruh letak cili padi, kita letak kulit pulak. Ibarat nya masak lah.

NN : **Harapan Mak Mah untuk industri profileman?**

RS : Harapan untuk industri profileman perbaikilah. Pertama gajilah. Gaji kru. Sebab tanpa kru, benda apa pun *tak* [tidak] boleh bergerak. Kau hebat berlakon macam mana, kau cantik macam mana, kau *handsome* [kacak] macam mana. Tapi setakat ni yang Mak Mah dengar, gaji kru rendah, walaupun gaji pelakon masih rendah. Katanya, sebab stesen bayar rendah. Maka tidak boleh bagi. Sebab tidak ada yang kaya kaya. Kecuali produser. Produser kaya pun bukan sebab dia tamak. Bukan *pasal* [sebab] dia pandai mengagihkan tapi dia banyak pengeluaran. Tapi kalau artis, kalau banyak dia berlakon tapi bayaran tidak bagus. Itu sebab kadang ada guru-guru memandang rendah pada pelakon. Sebab gaji kita, dengan gaji dia dengan bonus dia *tak* [tidak] sama. Dia pandang rendahlah dengan pelakon. Saya pernah macam, alah kau baru bertungkus lumus macam tu bukan dapat apa pun. Kau *takde* [tidak ada] pun rumah besar segedabak, macam gurukan, banyak alternatif dari kerajaan. Macam kita kan terbiar, jadi seru jugak lah dengan kerajaan. Kalau

nak bagi tu bagilah. Dah tinggal sikit yang tua-tua ni dah nak meninggal pun. Kalau dah meninggal *tak* [tidak] dapat apa-apa pun, nak tengok Allah je kan. Tapi kalau penat ni, balik itu ini, dah bayar PA [pembantu peribadi], make up [alat solek] tadi apa ke benda-benda duit lima puluh ringgit [RM50] itulah yang masuk tabung. Kalau ada yang tujuh [7] bulan tidak berlakon tu, tu yang ada jual nasi lemak, jual mentega semua tu. Tapi macam saya orang yang kuat bekerja, saya *tak* [tidak] jadikan pelakon satu kerjaya nombor satu. Sebab saya tu peluang saya, barangkali dan anugerah dari Allah dan industri memerlukan tapi *beside* [selain itu] saya mesti kena ada kerja lain. Itu pada tahun tujuh puluh [70] an, tahun lapan puluh [80] an, tapi sekarang dah bolehlah. Sekarang ni sudah boleh lah rasa nikmat daripada bersusah payah tu. Yang Mak Mah kata *thousand* [seribu] bukan dulu tau, sekarang ni lah. Kan dah tengok dah tungkus lumus jatuh terguling-guling kat batu lutut biru tu, agak-agaklah kan. Nanti dia bagilah lebih. Menjerit-jerit kat hutan belukar tu dengan Rashid Sibir cerita berapa *scene* tu. Dua puluh tujuh [27] *scene*. Kalau kau bagi seribu [RM1,000] kau jumpa Allah la nanti. Ada juga yang *bagi* “Ni memang gaji nya lima ratus sehari [RM500]”. Mak Mah berlakon jadi mak yang anaknya makan dadah bagi makan *diorang* [mereka], meninggal dengan emosi dengan menangis dengan menjerit dengan gaji lima ratus [RM500]. Dua ribu lima ratus [RM2,500] lima hari dipantai siang malam dengan usia 60 an. “kau boleh tidak kirim salam lah dengan produser”. Mak Mah memang *tak* [tidak] boleh. “Cakap kat dia Mak Mah kirim salam nanti pandai-pandailah jawab dengan Allah”. Itu saja taklimatnya.

- NN : **Impian Mak Mah yang belum capai?**
- RS : Nak menang Pelakon Wanita Terbaik dan Filem Terbaik. Kalau filem laku *dah* [sudah] rasa dah Jangan Pandang belakang tu. Yang paling *hit* la dalam mana-mana filem. Dan filem yang untuk dikenang tu AnakBapak tu. Dengan hantu-hantu tu. Congkaklah.
- NN : **Baiklah sampai disini saja, temubual hari ini terima kasih diucapkan kepada Mak Mah kerana sudi meluangkan masa untuk memenuhi keperluan subjek kami. Terima kasih Mak Mah.**
- RS : Mudah-mudahan *tak* [tidak] banyak lah *objection* [bantahan] dari pensyarah kamu. Sebab ini lah *story* [cerita] ni saya yang lahirkan. Saya *tak* [tidak] pandai nak *opposite* [bertentangan].
- NN : **Terima Kasih Mak Mah.**

### TAMAT BAHAGIAN 3

# LAMPIRAN

# LOG WAWANCARA

Rakaman ini berkenaan tentang pelakon veteran melayu iaitu Puan Ruminah Sidek. Transkrip ini berkisar kepada latar belakang beliau, kerjaya beliau sebagai seorang pelakon dari era 60-an lagi dan pengalaman beliau sepanjang menjadi anak seni. Beliau juga berkesempatan berlakon bersama dengan Allahyarham Tan Sri P.Ramlee. Sesi temuramah ini dijalankan di rumah kakak beliau di Meru, Klang pada 25 April 2014.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
------	--------	---------------------

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

00:55	Latar belakang tokoh	Mak Mah. Meru, Klang.
01:38	Nama ibu bapa	Hajibah bte Haji Ali. Haji Sidek bin Haji Hasan
02:09	Zaman persekolahan	Tahun 50-an. Zaman komunis. Sekolah Sungai Binjai.
04:25	Adik-beradik	11 orang. Meninggal kembar, 2 orang.
05:32	Nama suami	Mohd Taib bin Hussain. A R Tompel. Ahmad Syafari.
10:53	Pengenalan dengan A.R Tompel	Jalan Ampang. Program Keluarga Tompel.
15:28	Asal A.R Tompel	Sumantera, Jawa. Bukt Tinggi.
16:32	Kehidupan sebelum kahwin	Penerbit RTM, En Zainal Abidin.
17:53	Hobi masa lapang	Tentera Wataniah.
19:40	Masa kerjaya dan keluarga	“Mat Combat”. Anugerah Bintang Popular Berita Harian - Anugerah Pelakon Veteran.
22:33	Minat lakonan	Ratu Cantik. Ratu Kebaya.
23:33	Usia melahirkan anak pertama	25 atau 26 tahun
23:51	Bilangan anak	6 orang anak kandung. 10 anak

		tiri. 5 anak lelaki. 1 orang anak perempuan. Siti Nur Halijah. Universiti Teknologi Malaysia.
25:12	Kerjaya anak-anak	Adlin Aman Ramli. Puteri Gunung Ledang. Teater P Ramlee.

## BAHAGIAN 2: KERJAYA

29:17	Kumpulan bangsawan	Tahun 50-an. Raden Mas
30:33	Bakat terpendam	Nyayian. Berkawad. Bersyair
31:42	Bakat bersyair	Meru. Kapar. Dewan Bahasa dan Pustaka. Tahun 1960. Kampung Tok Muda.
33:50	Kegiatan Belia	Kumpulan wanita
34:25	Bertanggungjawab megesan bakat tokoh	Haji Sidek bin Haji Hasan. Meru. Bukit Kapar.. Klang
25:38	Bilangan filem yang dilakukan	Anak Bapak. P Ramlee. Radio Televisyen Malaysia (RTM). Singapura. Brunei.
37:59	Filem pertama	Anak Bapak. AR Tompel. Saloma.
38:50	Memori bersama P. Ramlee	Singapura. Merdeka Studio. Saloma.
40:38	Filem bersam P. Ramlee	Anak Bapak. Gerimis.
41:08	Aktiviti selepas tahun 1968	1970. Langit Tidak Selalu Cerah. AR Badul. Drama Minggu Ini.
42:30	Faktor kembali berlakon	RTM. Ahmad Syafari. Keramat.
43:11	Tarikan menjadi pelakon	Peminat.
48:30	Perbezaan produksi berbeza	Drama radio. Kuantan. RTM.

		Fathia. Azle Hairi.
53:59	Kelas lakonan	Kuala Kubu.

### BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

54:40	Usia mula berlakon	15 hingga 17 tahun.
55:16	Pengarah kegemaran	Rashid Sibir. Murali. Osman Ali. Rosyam Nor.
58:45	Cabaran menjadi pelakon	Sendayu Tinggi. Tasik Pedu.
1:04:55	Filem memberi kesan	P Ramlee. Jangan pandang Belakang. Ahmad Idham. Congkak. Pierre Andre. Jangan Pandang Belakang Boleh.
1:06:48	Persedian selepas mendapat skrip	Parit Jawa. Adlin Aman Ramli.
1:08:09	Duta Produk	Polident. Sendayu Tinngi. Jamu Dara.
1:08:50	Anugerah	Pelakon Wanita Terbaik. Pembantu Wanita Terbaik. Anugerah Veteran. Ahugerah Skrin. UIA (Universiti Islam Antarabangsa) Anugerah Bintang Popular Berita Harian. Anugerah Seni Negeri Selangor.
1:11:35	Watak Seram	Suatu Malam Kubur Berasap. Erma Fatima. Neeloфа. Rozita Che Wan. Murali.
1:13:26	Ganguan bila membawa watak seram	Mekah. Masjidil Haram. Masjid Nabawi. Congkak.
1:14:48	Artis Muda yang mahu berlakon bersama	Fathia. Remy Ishak. Tiz Zaqyah.
1:16:48	Kelainan pelakon dulu dan	Aziz Satar. Jangan Pandang

	sekarang	Belakang. Kuala Lumpur. Kolumpo.
1:21:00	Bayaran filem dulu dan sekarang	Fasha Sadha.
1:22:04	Purata bayaran sekarang	Rozita Che Wan
1:27:00	Harapan kepada industri perfileman	Tahun 70-80 an. Rashid Sibir.
1:28:29	Impian yang belum dicapai	Jangan Pandang Belakang. Anak Bapak. Congkak

## **SENARAI SOALAN**

### **Latar belakang tokoh**

1. Apakah nama penuh Puan?
2. Apakah nama gelaran Puan?
3. Bolehkah kami panggil dengan nama gelaran Puan?
4. Bilakah Mak Mah dilahirkan?
5. Dimanakah Mak Mah dilahirkan?
6. Berapakah umur Mak Mah sekarang?
7. Mak Mah berasal dari mana?
8. Dan sekarang Mak Mah tinggal dimana?
9. Siapakah nama penuh ayah dan ibu Mak Mah?
10. Dimanakah Mak Mah mendapat pendidikan awal?
11. Dan bagaimana pula kehidupan sebelum Mak Mah berkahwin?
12. Berapakah adik-beradik Mak Mah?
13. Mak Mah anak ke berapa?
14. Siapakah nama suami Mak Mah?
15. Bagaimanakah perkenalan Mak Mah dengan suami, Allahyarham A.R Tompel?
16. Suami Mak Mah berasal dar mana?
17. Apakah hobi Mak Mah pada masa lapang?
18. Bagaimanakah Mak Mah membahagikan masa antara lakonan dan keluarga?
19. Adakah cita-cita Mak Mah sememangnya untuk menjadi pelakon sejak dari kecil?
20. Pada usia berapakah Mak Mah melahirkan anak sulung Mak Mah?
21. Berapakah berapa bilangan anak Mak Mah?
22. Berapa lelaki dan berapa perempuan?
23. Apakah yang anak-anak Mak Mah lakukan sekarang?
24. Selain Adlin Aman Ramli, siapa lagi anak Mak Mah yang melibatkan diri dalam bidang seni?
25. Adakah Mak Mah menbenarkan anak atau cucu untuk turut sama berlakon?
26. Siapa idola Mak Mah dalam bidang lakonan?

## Kerjaya

1. Sebelum Mak Mah berkecimpung dalam dunia lakonan, Mak Mah pernah menyertai kumpulan bangsawan. Bolehkah Mak Mah ceritakan serba sedikit?
2. Apakah nama kumpulan bangsawan yang pernah Mak Mah sertai?
3. Bagaimanakah Mak Mah boleh menyertai bidang seni?
4. Bolehkah Mak Mah ceritakan sejarah pembabitan Mak Mah dalam duniaseni?
5. Selain dari bidang lakonan, apakah bakat lain orang di luar sana tidak tahu?
6. Mak Mah pernah menjuarai pertandingan nyanyian lagu syair seluruh negeri Selangor. Dari mana dan siapakah yang mengajar dan menjadi mentor dalam nyanyian lagu syair ?
7. Pada tahun 50 an dan awal tahun 60, Mak Mah aktif menyertai kegiatan belia di kampung. Apakah aktiviti itu?
8. Siapakah orang pertama yang mengesan bakat Mak Mah dalam bidang seni?
9. Berapa banyakkah filem yang pernah Mak Mah berlakon?
10. Apakah filem pertama Mak Mah berlakon?
11. Bolehkah Mak Mah ceritakan di awal pembabitan dalam bidang lakonan?
12. Mak Mah pernah berlakon dengan Allahyarhan P.Ramlee? Boleh Mak Mah ceritakan sedikit memori Mak Mah ketika berlakon bersamanya?
13. Berapa buah filem Mak Mah berlakon dengan AllahyarhanP.Ramlee?
14. Pada pendapat Mak Mah, Allahyarhan P.Ramlee orangnya bagaimana?
15. Selepas filem Anak Bapak tahun 1968 bersama AllahyarhamP.Ramlee, Mak Mah tidak membintangi mana-mana filem sehingga tahun 1990. Jika Mak Mah tidak kisah, boleh Mak Mah kongsikan apakah yang Mak Mah lakukan pada tempoh itu?
16. Apakah faktor yang membawa kembali Mak Mah kepada bidang lakonan?
17. Siapakah nama-nama besar yang pernah Mak Mah berlakon pada zaman 60 an?
18. Pada Mak Mah, apakah yang menarik untuk menjadi seorang pelakon?
19. Sewaktu pertama kali berlakon, adakah Mak Mah berasa gemuruh?
20. Bagaimana Mak Mah mengawal situasi tersebut?
21. Adakah ada perbezaan apabila berlakon di bawah produksi yang berbeza?
22. Pernahkah Mak Mah menghadiri sebarang kelasla konan?

## **Pengalaman**

1. Bolah Mak Mah ceritakan bagaimana bermulanya karier Mak Mah sebagai pelakon?
2. Pada usia berapakah Mak Mah mula berlakon?
3. Adakah pada waktu itu, ibu dan ayah Mak Mah membenarkan dan menyokong Mak Mah untuk berlakon?
4. Siapakah yang memberi sokongan dan menjadi tulang belakang Mak Mah untuk berlakon?
5. Siapakah pengarah yang paling Mak Mah suka untuk bekerjasama?
6. Boleh Mak Mah ceritakan sedikit kenangan manis disepanjang tempoh Mak Mah menjadi seorang pelakon?
7. Apakah cabaran yang pernah Mak Mah lalui?
8. Seperti yang kita tahu, Mak Mah selalunya menjawai watak dengan baik sekali tidak kira drama atau pun filem. Pernahkah Mak Mah berdepan dengan peminat yang terlalu fanatik?
9. Seperti yang kita tahu, sebagai orang lama di dalam industri, apakah tips kepada mereka anak muda yang ingin menceburi bidang seni?
10. Kalau kita lihat sekarang, terlalu ramai pelakon muda yang lahir dari rancangan realiti, Apakah tips atau pun nasihat untuk menjadi pelakon yang boleh bertahan lama di dalam bidang seni?
11. Apakah fesyen yang Mak Mah minati pada tahun 60-an?
12. Adakah Mak Mah meminati kebaya?
13. Apakah moto dan prinsip hidup Mak Mah?
14. Mak Mah telah berlakon banyak filem dan apakah filem yang sangat memberi kesan keatas diri Mak Mah?
15. Setelah Mak Mah mendapat skrip untuk sesuatu filem, apakah persedian yang Mak Mah lakukan?
16. Adakah Mak Mah ditawarkan untuk menjadi duta sesuatu produk ataupun tawaran untuk iklan?
17. Berapa kali Mak Mah tercalon dalam percalonan anugerah?
18. Secara peribadi, apakah perhargaan terbesar yang Mak Mah pernah perolehi?
19. Apakah perasaan Mak Mah menerima sewaktu menerima anugerah?
20. Adakah dengan menerima anugerah itu memotivasi Mak Mah?
21. Beberapa tahun kebelakangan ini, Mak Mah acap kali membawa watak seram dalam sebuah filem. Adakah Mak Mah memilih atau diberi membawa watak sebegini?

22. Apakah perasaan Mak Mah apabila sering diberi peluang untuk membawa watak seram? Adakah untuk menjiwai watak sebegini?
23. Siapakah pelakon atau orang seni yang Mak Mah sangat berbesar hati dapat berlakon bersamanya?
24. Bagaimanakah cara meningkat mutu persembahan dalam setiapwatak yang Mak Mah lakonkan?
25. Apakah kesukaran yang Mak Mah hadapi selama berkecimpung dalam bidang lakonan?
26. Bagaimancara Mak Mah memberi kelainan dalam setiap watak yang Mak Mah jayakan?
27. Apakah sebab utama yang menarik minat Mak Mah menjadi seorang pelakon?
28. Pada pandangan Mak Mah, apakah perbezaan pelakon dulu dan sekarang?
29. Apakah ada perbezaan cabaran menjadi seorang pelakon dulu dan juga sekarang?
30. Apakah tips menjadi pelakon yang berbakat seperti Mak Mah?
31. Adakah perbezaan dari segi kualiti filem dulu dan sekarang?
32. Adakah sukar untuk Mak Mah mendapat watak yang Mak Mah idamkan?
33. Apakah watak yang Mak Mah belum pernah berlakon dan inginkan?
34. Adakah Mak Mah berasa berpuas hati dengan apa yang Mak Mah sudah capai setakat ini?
35. Berapakah jumlah bayaran yang Mak Mah perolehi sewaktu di awal pembabitan?
36. Secara purata, berapakah bayaran yang Mak Mah perolehi sekarang?
37. Pernahkah ada satu tahap Mak Mah berasa putus asa menjadi seorang gpelakon?
38. Sepanjang menjadi seorang pelakon, pernahkah Mak Mah dikaitkan dengan gossip – gossip?
39. Pernahkan Mak Mah tidak dapat melakukan babak yang sangat sukar seperti yang diharapkan oleh pengarah?
40. Apakah harapan Mak Mah kepada industri profileman?
41. Apakah perkara yang ingin dicapai oleh Mak Mah?
42. Baiklah sampai disini sahaja sesi temubual hari ini, terima kasih kami ucapkan kepada Mak Mah kerana sudi meluangkan masa untuk memenuhi keperluan subjek kami.



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..... RUMINAH SIDEK ..... Pada ..... 25/4/2014 .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyalidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

(Ruminah Sidek)

Pengkisah

Dr. Hj. Ghazali Bin Osman

Ketua Pusat Pengajian

Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.

## GAMBAR



**Gambar 1: Puan Ruminah Sidek menerima buah tangan dari kami**



**Gambar 2: Puan Ruminah Sidek menerima cenderahati  
daripada pihak kami pelajar UiTM Machang**

# INDEKS

## A

Anugerah, 15, 18, 24, 32

## B

Bakat, 19, 22, 45

Bangsawan, 12, 20

## F

Filem, 22, 24, 25, 32

Festival, 43

## I

Idola, 19

Industri, 36, 46, 47

## K

Karakter, 19, 24

Karier, 12

Kursus, 9, 10, 32

## L

Lakon, 19, 24, 29, 31

## N

Naskhah, 19, 27, 28, 32

Nyanyi, 10, 20

## P

Pancaragam, 20

Panggung, 23, 43

Pelakon, 19, 24, 29, 31

Peminat, 26, 27

Penonton, 29, 30

Pentas, 24, 37

Pengarah, 33, 36, 40, 43

Persembahan, 11, 14, 36

Produksi, 26, 28

Program, 9, 10, 23, 26

## R

Rakaman, 29

Radio, 10, 14, 26, 29

## S

Skrin, 29, 38, 39

Skrip, 10, 15, 29, 33

Syair, 14, 21, 22

## T

Tarian, 14, 24

Televisyen, 8, 9, 10, 11

Temubual, 53

## **RUJUKAN**

Ruminah Sidek. Personal Communication. April 24<sup>th</sup>, 2014